



Hujung Minggu

فَلَيْلَةُ الْبَرْوَنْيِّ

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.32 SUBUH 4.42 SYURUK 6.07 DUHA 6.30 ZUHUR 12.19 ASAR 3.44 MAGHRIB 6.30 ISYAK 7.45 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 66

1 JUN 2024 / 1445 ذوالقعدة 23

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

## MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HUT ABDB KE-63



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran bagi memberkati dan memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-63.  
- Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 3)

**Jumlah penduduk NBD meningkat 1.1 peratus**

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Mei. - Laporan Anggaran Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi 2023 mencatatkan jumlah penduduk seramai 450,500 orang berbanding 445,400 orang pada 2022.

Ini menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.1 peratus sama seperti tahun 2022.

Pengiraan anggaran penduduk adalah berdasarkan pelbagai proses bermula dengan data Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 dan perangkaan vital seperti data kelahiran dan kematian bagi kenaikan semula jadi (*natural increase*) dan sementara data migrasi adalah untuk pengiraan penghijrahan penduduk.

Sumber data bagi anggaran tersebut adalah dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Menurut Laporan Anggaran Penduduk, jumlah penduduk pada 2023 terdiri daripada 237,700 orang lelaki (52.8 peratus) dan 212,800 orang perempuan (47.2 peratus).

>> Muka 4

## 28 buah keluarga terima sumbangan kewangan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Mei. - Seramai 28 buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran dan rumah roboh di Kampung Setia 'B' dan Kampung Peramu menerima sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND\$4,600 dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan kepada Mangsa Kebakaran dan Rumah Roboh yang

berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB, di sini.

Sumbangan daripada YSHHB kepada sebahagian mangsa kebakaran dan rumah roboh disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

>> Muka 6

## Kerjasama sepadu menentang penggunaan produk tembakau, nikotin

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 31 Mei. - Penggunaan tembakau adalah satu epidemik yang mengancam kesihatan awam terbesar di seluruh dunia dan menurut data yang diperoleh daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), tembakau membunuh kira-kira 8 juta orang setiap tahun dan dianggarkan sebanyak 1.3 bilion penduduk di seluruh dunia adalah pengguna tembakau.

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, industri tembakau dan yang berkaitan, sering kali dengan sengaja menggunakan pelbagai taktik yang strategik dan agresif dalam menghasilkan

pengiklanan dan pemasaran semata-mata bagi menarik orang ramai terutama sekali kanak-kanak dan para remaja untuk menjadi ketagih kepada produk-produk tembakau dan nikotin.

Oleh yang demikian, kempen Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini membawa tema 'Melindungi Kanak-kanak Daripada Campur Tangan Industri Tembakau (Protecting Children From Tobacco Industry Interference)' yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pengaruh berbahaya industri tembakau dan yang berkaitan terhadap kanak-kanak.

>> Muka 8

MANISNYA IMAN  
WAHAI orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan). Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)?"  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 90-91.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



78 pelajar BIBD ALAF diraikan

Muka 7



MENEROKA kekayaan khazanah hutan NBD

Muka 9



NBD jadi tuan rumah Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja Ad-Hoc

Muka 12



INFO Teknologi

'ONLINE games' berunsurkan pendidikan boleh bantu tingkat minat belajar

Muka 21



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Negara di Istana Nurul Iman bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan yang mengadakan Lawatan Negara selama dua hari ke negara ini bermula pada 28 Mei hingga 29 Mei 2024.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen,

#### Sayyidinaa Muhamadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**D**ENGAN amat suacita beta dan Duli Raja Isteri mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina dan First Lady Marcos dalam Lawatan Negara pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan ini adalah bukti persahabatan yang kukuh dan hubungan rapat sejak

## 40 tahun hubungan NBD - Republik Filipina cerminkan persahabatan kukuh kedua-dua rakyat

hubungan diplomatik kedua-dua negara terjalin 40 tahun yang lalu.

Beta juga masih mengingati lawatan pertama TYT ke negara ini pada tahun 1984, semasa TYT meneman mendiang ayah TYT, Presiden Marcos Senior semasa Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam julung kalinya.

Hubungan kekal yang kedua-dua negara nikmati di semua peringkat hari ini, benar-benar mencerminkan sejarah dan pencapaian kita yang dikongsi, dimulakan dan dibina semasa jawatan presiden mendiang Presiden Marcos Senior.

Sejak itu, kedua-dua negara telah bekerjasama rapat dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Negara Brunei Darussalam komited untuk mengukuhkan lagi hubungan penting ini, untuk melindungi dan menjaga aspirasi bersama.

Oleh itu, beta berbesar hati kerana dokumen-dokumen yang ditandatangani semasa lawatan TYT, akan terus menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara yang berterusan. Perjanjian ini membuka jalan kepada kerjasama dalam sektor maritim, pertanian dan pelancongan, yang akan

membawa manfaat yang besar untuk kedua-dua negara.

Negara Brunei Darussalam dan Filipina telah menjalin kerjasama padu dalam inisiatif sub-serantau, khususnya BIMP-EAGA, mewujudkan perkongsian yang bermanfaat dalam tenaga, pertanian, perikanan dan isu-isu alam sekitar.

Selain itu, kita juga bekerjasama rapat dalam ASEAN untuk memastikan sentralitinya kekal relevan di rantau ini.

Oleh itu, beta berharap dapat meneruskan kerjasama kita untuk memajukan usaha pembinaan komuniti ASEAN dalam mempromosikan keamanan, keselamatan dan pembangunan serantau.

Sebagai penutup, beta ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada TYT, kerajaan dan rakyat Republik Filipina yang akan menyambut Hari Kemerdekaan pada bulan depan. (Hari Kemerdekaan Ke-126 pada 12 Jun).

Duli Raja Isteri dan beta juga mendoakan agar, TYT dan First Lady Marcos, terus sihat dan bahagia serta untuk keamanan dan kemakmuran Republik Filipina dan seluruh rakyatnya.

Terima kasih.

## WAKTU SEMBAHYANG

1 JUN 2024

### Pentingnya untuk selalu berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala

**S**ETIAP Muslim, pada satu saat dalam hidup mereka, akan atau telah merasakan keperluan untuk berkomunikasi dengan pencipta mereka Allah Subhanahu Wata'ala untuk mencerahkan isi hati mereka, untuk meminta petunjuk atau untuk mencari kelegaan pada masa kesusahan. Apabila kita meminta sesuatu kepada Allah Subhanahu Wata'ala selalunya kita akan berdoa.

Apabila kita berdoa, kita sebenarnya sedar bahawa kita hanyalah manusia biasa dan Allah Subhanahu Wata'ala yang mencipta kita yang berkuasa ke atas kita dalam setiap hal. Apabila kita berdoa kita merendah diri dan meminta kepada yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui, untuk meminta pertolongan-Nya. Perbuatan jelas membuktikan kebergantungan kita kepada-Nya dan akan mengingati kita untuk sentiasa merendah diri, bersyukur dan tidak sombong atau bermegah diri serta untuk yakin dan percaya setiap permasalahan kita hadapi Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi kita jalan keluar.

Antara perkara yang lazimnya menjadi kebimbangan kita berkenaan dengan doa ialah sama ada doa kita diterima. Di sini kita perlu ingat untuk bersabar dan berbaik sangka kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam kita menunggu doa kita untuk dimakbulkan. Kadang-kadang penantian itu berasa susah dan melelahkan tetapi kita perlu yakin Allah Maha Mendengar akan mendengar setiap permintaan kita. Walaupun kadangkala kita mungkin merasakan bahawa doa kita tidak dimakbulkan, adalah penting untuk memahami bahawa Allah, dalam kebijaksanaan-Nya yang tidak terhingga akan menjawab doa kita melalui cara-Nya.

Apabila Allah Subhanahu Wata'ala memakbulkan doa kita dan memberi apa yang kita minta kepadanya, kita perlu bersyukur. Apabila Allah Subhanahu Wata'ala tidak memberikan apa kita mahukan, janganlah bersedih kerana ini adalah cara Allah untuk melindungi kita daripada sesuatu yang mungkin bahaya atau boleh memudaratkan kita. Jika tidak, mungkin Allah Subhanahu Wata'ala mahu kita terus berdoa untuk mengumpul pahala untuk akhirat kita kelak dan mungkin juga Allah Subhanahu Wata'ala dalam tidak memakbulkan doa kita secepat yang kita mahu sebenarnya mahu kita terus berusaha untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala menyukai kegigihan hamba-Nya dalam berdoa. Perbuatan berpaling kepada-Nya secara konsisten, walaupun keputusan segera tidak kelihatan, menandakan iman yang tidak berbelah bahagi. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al Mu'min ayat 60.

**Tafsirnya :** "Dan Tuhanmu berfirman : Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu".

Doa itu ialah ibadat dan senjata orang Mukmin. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya berdoa dan memohon kepada-Nya. Begitu juga, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan kepada umatnya supaya berdoa bersungguh-sungguh kerana berdoa itu adalah pengakuan seseorang hamba terhadap kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Jun MASIHI	HARI	Zulkaedah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	SABTU	23	4 . 32	4 . 42	6 . 07	6 . 30	12 . 19	3 . 44	6 . 30	7 . 45
2	AHAD	24	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 19	3 . 44	6 . 30	7 . 45
3	ISNIN	25	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 19	3 . 45	6 . 30	7 . 45
4	SELASA	26	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 45	6 . 30	7 . 46
5	RABU	27	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 45	6 . 31	7 . 46
6	KHAMIS	28	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 45	6 . 31	7 . 46
7	JUMAAT	29	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 31	12 . 20	3 . 46	6 . 31	7 . 47

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU Bandar Seri Begawan	AHAD	ISNIN
33 26 °C 	30 25 °C 	29 25 °C 
33 26 °C 	30 25 °C 	29 25 °C 
32 26 °C 	30 25 °C 	30 25 °C 
32 25 °C 	30 25 °C 	30 25 °C 
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Majlis Doa Kesyukuran sempena HUT ABDB Ke-63

BERAKAS, Khamis, 30 Mei.

- Semua surau Kementerian Pertahanan dan ABDB termasuk Masjid Pulau Baru-Baru lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran khusus bagi memberkati dan memperingati Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-63 dengan tumpuan majlis di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Majlis Doa Kesyukuran di Surau Ad-Difa' disemarakkan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Ali 'Imran, ayat 169 hingga 173 yang dibacakan oleh Pegawai Waran Satu Aliuddin bin Haji Sarbini, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dari Markas Perkhidmatan Bantu, TLDB, wakil qari ABDB dan naib johan Musabaqah Tilawah Al-Quran antara Tentera-Tentera Islam Antarabangsa di Republik Islam Iran pada tahun 2013.

DYTM kemudiannya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Turus Tarbiah Agama daripada Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Ariffin bin Amit@Hamid, yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat.

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil serta Doa Kesyukuran HUT ABDB Ke-63 diketuai oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis kemudiannya diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Turus Tarbiah Agama, JAMA'AT.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran khusus bagi memberkati dan memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Ke-63 (atas). Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

DYTM kemudian berangkat ke Mes Pegawai, Bolkiah Garison bagi Majlis Santap sebelum majlis berakhir.

Juga hadir, para jemputan khas terdiri dari mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan

dan mantan-mantan Pemerintah ABDB, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku-pemangku Pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah, Komandan-

komandan, dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan.

Majlis Doa Kesyukuran ini diadakan bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar ABDB dikurniakan kejayaan dalam mencapai misinya mempertahankan kedaulatan negara, memelihara integriti

wilayah, serta menegakkan perlembagaan dan prinsip-prinsip falsafah Melayu Islam Beraja.

Walaupun Sambutan HUT ABDB secara tradisinya disambut pada tarikh penubuhan rasmi iaitu 31 Mei, upacara perbarisan raksasa tahun ini akan berlangsung pada 1 Jun di Penanjong Garison.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat ke Mes Pegawai, Bolkiah Garison bagi Majlis Santap (atas), manakala gambar kiri, doa dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.



# PRESIDEN REPUBLIK FILIPINA AKHIRI LAWATAN NEGARA



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan meninggalkan Negara Brunei Darussalam selepas mengadakan Lawatan Negara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie  
Pg. Haji Nikman

**BERAKAS,** Rabu, 29 Mei. - Lawatan Negara Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam berakhir hari ini.

Sebelum meninggalkan negara, berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini, bagi mengucapkan selamat belayar

ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Menteri Pengiring dan isteri; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Sebelum menaiki pesawat, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos melintasi

perbarisan statik terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei.

Sepanjang lawatan TYT selama dua hari ke negara ini, dalam perbincangan kedua-dua pemimpin antara lain menumpukan kepada kerjasama maritim dan justeru, satu perjanjian persefahaman telah dimeterai di bawah Memorandum of Understanding (MoU) on Maritime Cooperation sejurus selesai Majlis Perjumpaan dan Mesyuarat Dua Hala bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina juga bersetuju untuk memperluaskan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang antaranya menangani pencemaran, latihan kemahiran, berkongsi penyelidikan dan maklumat.

Kedua-dua buah negara juga menandatangani MoU on the Recognition of the Certificate Issued Under the Provisions of the International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers, 1978 as Amended dan MoU dalam Kerjasama Pelancongan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT juga menyaksikan Majlis Pertukaran bagi Letter of Intent untuk Meneruskan Kerjasama Pertanian antara kedua-dua buah negara.

## Jumlah penduduk NBD meningkat 1.1 peratus

Anggaran Penduduk  
Population Estimates

2023


Anggaran Penduduk  
Population Estimates

450,500 Orang  
Persons

Jantina  
Sex

Lelaki Male	237,700 Orang (52.8%)
Perempuan Female	212,800 Orang (47.2%)

Daerah  
District



Bangsa  
Race

Bangsa	Race	Jumlah Penduduk	Persentase
Melayu	Malays	332,100	(73.8%)
Cina	Chinese	43,400	(9.6%)
Lain-Lain	Others	75,000	(16.6%)

Nota: Jumlah peratus mungkin tidak selaras kerana angka digenapkan.  
Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)

Note: Total percentage may not tally due to rounding.  
Source: Department of Economic Planning and Statistics (DEPS)

**TIPS MEMUAT NAIK**

PENTING:  
Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

**#1**  
Format fail yang betul  
PDF: Kad Pengenalan, lesen, Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen  
JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

**#2**  
Saiz fail tidak melebihi 3MB

**#3**  
Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

**#4**  
Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)

**SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN**

peratus) daripada jumlah penduduk, diikuti Daerah Belait dengan 66,900 orang (14.8 peratus), Daerah Tutong dengan 48,000 orang (10.7 peratus), dan Daerah Temburong dengan 9,600 orang (2.1 peratus).

Dari perspektif taburan umur, kira-kira 20.2 peratus (91,200 orang) daripada jumlah penduduk berumur di bawah 15 tahun, 72.8 peratus (328,000 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun dan 6.9 peratus (31,300 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas.

Umur penengah (*median*) pada 2023 adalah 32.5 tahun berbanding 32.0 tahun pada 2022.

Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini dengan agihan sebanyak 73.8 peratus (332,100 orang) daripada jumlah penduduk.

Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi 9.6 peratus (43,400 orang) dan 16.6 peratus (75,000 orang) daripada jumlah penduduk.

Laporan Anggaran Penduduk 2023 boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES).

Sebarang pertanyaan mengenai perkara tersebut, bolehlah dirujuk ke JPES melalui talian +673 2230233 (waktu pejabat), e-mel : [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn) dan laman sesawang : [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn).

# FILIPINA, NBD KOMITED PUPUK PERTUMBUHAN EKONOMI ASEAN



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. berucap semasa Forum Perniagaan Filipina yang berlangsung di Tarindak D'Polo.

JERUDONG, Rabu, 29 Mei. - Kerajaan Filipina menyatakan komitmennya untuk mengukuhkan hubungan perniagaan bersama Negara Brunei Darussalam (NBD) dan memupuk pertumbuhan ekonomi dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. berkata demikian semasa Forum Perniagaan Filipina yang berlangsung di Tarindak D'Polo, pagi tadi.

Dalam ucapannya, Tuan Yang Terutama mengesahkan komitmen tidak berbelah bahagi Filipina kepada integrasi ekonomi serantau dalam pelbagai bidang sekali gus memetik kisah kejayaan yang luar biasa rangkaian restoran makanan segera Jollibee di NBD.

TYT berkata, 19 cawangan Jollibee yang disahkan oleh halal mencerminkan penghargaan NBD untuk jenama Filipina.

"Saya gembira berkongsi

perkembangan positif dari Filipina dan membincangkan bagaimana kita boleh memajukan dan mengukuhkan kerjasama kami dengan NBD, memanfaatkan perkongsian kami melalui ASEAN, Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership-RCEP), dan The Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) untuk masa depan yang sejahtera," kata TYT.

Menurut TYT, dengan melihat potensi yang luas dalam sektor seperti perniagaan agribisnis, tenaga boleh diperbaharui dan pembangunan industri halal.

"Dan melalui forum ini, kami berdiri teguh dalam mengukuhkan hubungan perniagaan antara Filipina dan NBD.

"Perkongsian ini adalah simbol aspirasi bersama untuk memupuk pertumbuhan ekonomi dan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

membentuk komuniti ASEAN yang lebih bertenaga," kata TYT.

TYT seterusnya berkata, rangka kerja dasar perdagangan dan pelaburan Filipina, yang ditubuhkan melalui ASEAN dan RCEP adalah asas kepada agenda negara bagi integrasi ekonomi serantau.

TYT kekal optimistik bahawa usaha kerajaan akan disokong lagi oleh langkah-langkah dasar tambahan untuk mengukuhkan integrasi rantaian bekalan di Filipina, meningkatkan pelaburan langsung asing.

Forum Perniagaan Filipina di NBD adalah sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memamerkan kekuatan ekonomi Filipina dan memudahkan perkongsian perdagangan dan pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan pertanian, tenaga boleh diperbaharui,

pembangunan halal, dan peluang di rantau BIMP-EAGA.

Forum Perniagaan Filipina dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perindustrian Filipina (Department of Trade and Industry - DTI), Jabatan Pertanian Filipina (Department of Agriculture - DA) dan Program Ekonomi Brunei dengan sokongan Kedutaan Republik Filipina di NBD.

Antara yang hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

## Penandatanganan MoU kukuhkan kerjasama pertanian, ekonomi



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. semasa menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

JERUDONG, Rabu, 29 Mei. - Dua perjanjian telah dimeterai antara Republik Filipina dan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama pertanian dan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Perjanjian tersebut ditandatangani semasa Lawatan Negara dua hari Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. ke negara ini.

Menurut Tuan Yang Terutama, perjanjian pertama yang ditandatangani ialah Memorandum Persefahaman (MoU) untuk Perkongsian Dalam Pertanian dan Pembangunan Perusahaan Mikro,

Kecil dan Sederhana (MSME) antara Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei Filipina.

MoU tersebut mewujudkan perkongsian untuk pertanian dan pembangunan MSME yang bertujuan untuk meningkatkan integrasi ekonomi, menggalakkan amalan perniagaan agribisnis lestari dan memupuk model perniagaan inklusif dalam rantau ASEAN.

Selain itu, ia juga mewujudkan kerjasama dalam menjalankan kajian, program mentor dan mengenal pasti peluang perdagangan dan pelaburan dalam sektor pertanian.

Sementara itu, MoU kedua

ditandatangani antara Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Brunei Darussalam (National Chamber of Commerce and Industry Brunei Darussalam - NCCIBD), dan Dewan Perniagaan dan Industri Filipina (Philippine Chamber of Commerce and Industry-PCCI) bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi antara NBD dan Filipina.

MoU tersebut memberi tumpuan kepada pertukaran maklumat, menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan, dan menyokong industri yang berbeza seperti teknologi maklumat dan komunikasi, makanan halal, pertanian pintar, pembuatan, francis, pelancongan,

perkhidmatan dan pembangunan MSME.

Selain itu, ia juga menubuhkan majlis-majlis perniagaan di kedua-dua buah negara untuk memudahkan inisiatif bersama dan menggariskan mekanisme penyelesaian pertikaian.

"Melalui forum ini, kami berdiri teguh dalam mengukuhkan hubungan perniagaan antara Filipina dan NBD.

"Perkongsian kami merupakan simbol aspirasi yang dikongsi untuk memupuk pertumbuhan ekonomi dan membentuk komuniti ASEAN yang lebih meriah," kata TYT lagi dalam ucapannya semasa Forum Perniagaan Filipina yang berlangsung di Tarindak D'Polo, pagi tadi.

TYT juga turut menggesa pemimpin perniagaan NBD untuk melabur di Filipina dan menganggapnya sebagai destinasi pelaburan utama mereka.

Antara yang hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Forum Perniagaan Filipina di NBD adalah anjuran Jabatan Perdagangan dan Perindustrian Filipina (Department of Trade and Industry - DTI), Jabatan Pertanian Filipina (Department of Agriculture - DA) dan Program Ekonomi Brunei dengan sokongan Kedutaan Republik Filipina di NBD.

Ia memamerkan kekuatan ekonomi Filipina dan memudahkan perkongsian perdagangan dan pelaburan yang memberi tumpuan kepada pertanian, tenaga boleh diperbaharui, pembangunan halal, antara peluang lain di Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).



# PELUANG BERKONGSI PERDAGANGAN, PELABURAN DALAM MENEROKA PELUANG KERJASAMA



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. bergambar ramai semasa Forum Perniagaan Filipina sempena dengan Lawatan Negara Presiden Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam.

**JERUDONG**, Rabu, 29 Mei. - Sempena dengan Lawatan Negara Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Kedutaan Republik Filipina di NBD telah mengadakan Forum Perniagaan Filipina yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Perdagangan

dan Perindustrian Filipina (Department of Trade and Industry - DTI), Jabatan Pertanian Filipina (Department of Agriculture - DA) dan Brunei Economy Programme.

Forum Perniagaan Filipina berlangsung di Tarindak D'Polo, pagi tadi akan menjadi peluang untuk mengetengahkan kekuatan ekonomi Filipina dan

memudahkan perkongsian perdagangan dan pelaburan, dengan tumpuan tertentu kepada perniagaan agribisnis, tenaga boleh diperbaharui, pembangunan halal, dan peluang di rantau Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Antara yang hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Melalui inisiatif tersebut, syarikat-syarikat yang mengambil bahagian akan terlibat dalam sesi dialog, bertukar kepakaran dan meneroka peluang kerjasama di kawasan-kawasan utama ini, sekali gus menonjolkan potensi Filipina sebagai pemain penting dalam segmen pasaran yang pesat berkembang ini.

Para peserta forum terdiri daripada delegasi perniagaan Filipina, yang berminat untuk menyambung dan meneroka perkongsian berpotensi dengan ahli-ahli komuniti perniagaan NBD.

Ini merupakan peluang yang unik untuk membina hubungan berharga yang secara tidak langsung meneroka peluang perniagaan yang menarik dengan Filipina.

Program Ekonomi Brunei

dihoskan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC NBD untuk menghubungkan lebih banyak peluang di rantau ini bersama komuniti perniagaan NBD.

Sementara itu, dua Perjanjian Persefahaman (MoU) diadakan semasa forum berlangsung, iaitu MoU untuk inisiatif usaha sama dalam pertanian dan pembangunan MSME antara Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei, Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Filipina, Persatuan Peladang Pertanian Brunei, Ladang Pertanian Huo Ho, Yovel East R&D dan Bounty Agro Ventures yang diwakili oleh Ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Adinin, Awang Haji Musa bin Haji Adnin, dan Pengarah Eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN, Gil Gonzales.

Manakala MoU antara Dewan Perniagaan dan Industri NBD (NCCIBD) dan Dewan Perniagaan dan Industri Filipina (PCCI) yang diwakili oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Industri NBD, Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad; dan Naib Pengurus bagi Hal Ehwal Asia dan ASEAN, Dewan Perniagaan dan Industri Filipina, Ramon Escueta.

## 28 buah keluarga terima sumbangan kewangan



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB semasa hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan kepada Mangsa Kebakaran dan Rumah Roboh (atas, atas kiri dan kiri).

Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

YSHHB dari semasa ke semasa memberikan pemedulian terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah seperti kebakaran rumah dan rumah roboh. Bantuan ini dilaksanakan bagi meringankan beban mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

### >> Muka 1

Manakala sumbangan kepada sebahagian lagi mangsa-mangsa kebakaran rumah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut hadir ialah Setiausaha

# 78 PELAJAR BIBD ALAF DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengurus BIBD hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Tarindak D'Seni, ibu negara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mei. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengalukan seramai 31 pelajar Program BIBD ALAF (Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future) bagi Pengambilan Ke-11 iaitu inisiatif CSR utama bank berkenaan yang menyokong pemerkasaan pendidikan dan pembangunan masyarakat. Mereka terdiri daripada 24 pelajar sekolah rendah dan tujuh pelajar sekolah menengah dalam Tahun Akademik 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Tarindak D'Seni, ibu negara, petang tadi ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga selaku Pengurus BIBD.

Antara yang hadir, Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan, kakitangan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta pengurusan dan wakil BIBD.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa bergambar ramai bersama para pelajar.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

"Bagi markah purata A dan B, mereka akan menerima hadiah galakan berupa trofi, sijil penghargaan serta wang tunai bernilai BND200 dan BND150 bagi setiap kategori," jelas beliau.

Pada awal tahun ini, tambah beliau seorang penuntut iaitu Dayang Siti Nurul Izzah Adila binti Arfian telah melanjutkan pelajarannya di Monash Universiti, Australia dalam bidang farmasi.

BIBD juga turut meraikan pencapaian cemerlang bagi 78 pelajar BIBD ALAF yang cemerlang dalam peperiksaan awam sepanjang Tahun Akademik 2023. Pelajar-pelajar ini menunjukkan dedikasi dan komitmen yang luar biasa terhadap pengajian mereka, yang merangkumi nilai dan matlamat Program BIBD ALAF. Selain itu, dua pelajar BIBD ALAF menandatangani perjanjian Biasiswa ALAF untuk meneruskan pengajian ke peringkat universiti di bawah sokongan Program BIBD ALAF.

Muhammad Masnur Alimin Hisyam bin Masri dan Mohammad Firdaus bin Mohd. Salleh masing-masing akan melanjutkan

pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dalam Fiqh dan Usul Al-Fiqh di Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia.

Perjanjian ini menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan akademik mereka, menggariskan komitmen BIBD untuk menyokong aspirasi pendidikan pelajar daripada segmen sasaran dan mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat. Pada tahun 2020, program ini meraikan pelajar pertamanya yang melanjutkan pelajaran di United Kingdom.

Meneruskan tradisi kecemerlangan ini, awal tahun ini, seorang pelajar telah dianugerahkan Anugerah Biasiswa BIBD ALAF yang berprestij untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) di Universiti Monash, Australia, salah satu daripada 50 universiti terbaik di seluruh dunia.

Sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs) dan Wawasan Brunei 2035, Program BIBD ALAF

menunjukkan dedikasi BIBD untuk mempromosikan pendidikan berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat. Inisiatif ini menyokong Matlamat SDG 4, yang bertujuan untuk memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama untuk semua.

Dengan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan dan KHEU, BIBD memastikan pelajar daripada semua latar belakang sosioekonomi diberi peluang untuk berjaya.

Pendekatan Senegara ini menggariskan usaha BIBD dalam pembinaan masyarakat, inklusif dan menyediakan sokongan kepada kanak-kanak daripada segmen yang disasarkan.

Program BIBD ALAF, yang dilancarkan pada 2013, menyediakan sokongan menyeluruh kepada pelajar daripada segmen sasaran di Negara Brunei Darussalam, termasuk bantuan kewangan, bimbingan dan latihan.

Inisiatif ini sejajar dengan dedikasi BIBD kepada UN SDGs dan Wawasan Brunei 2035, memfokuskan kepada melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berpendidikan tinggi melalui promosi pembelajaran sepanjang hayat.



سوروهنجاي قرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PENTING**

! IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- Permohonan tidak akan diproses.
- Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**


! DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

!

**⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.**

**✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memenuhi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.**



# BIBD TANAM 40 POHON POKOK



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mei. - Sebanyak 40 pohon pokok telah ditanam sempena memperingati Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 serta Ulang Tahun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pada acara penanaman yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, petang tadi.

Hadir bagi merasmikan acara tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga selaku Pengurus BIBD; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, Pengurus Badan Penasihat Syariah, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap,

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa menanam pohon-pohon pokok di Taman Mahkota Jubli Emas (kiri, kanan dan bawah kiri).

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Alishahrin Haji Mumun



pegawai kanan kerajaan bersama Ahli Lembaga Pengarah dan ahli Badan Penasihat Syariah BIBD serta pengurusan kanan dan kaitangan BIBD.

Projek Alam Mampan (Sustainable Nature Project) BIBD adalah sebuah inisiatif pemulihian alam sekitar yang bercita-cita tinggi yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Projek ini menekankan komitmen BIBD terhadap pendekatan holistik ke arah pemeliharaan dan pemulihian alam sekitar serta bertujuan untuk menangani pelbagai aspek kelestarian alam sekitar. Inisiatif penanaman pokok '660 Roots to a Greener Future' adalah inisiatif pertama yang dilaksanakan di bawah projek tersebut yang memfokuskan pada SDG 15 : Life on Land.

Inisiatif 660 Roots ini akan menyaksikan pokok-pokok ditanam di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam, dengan kerjasama Green Brunei, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berdedikasi untuk mempromosikan kelestarian alam sekitar melalui pendidikan, pemuliharaan dan advokasi.

Projek Alam Mampan ini juga

akan melebarkan inisiatifnya dengan menyokong Hari Lautan Sedunia dan meneroka pelbagai projek pemulihian terumbu karang, agar sejajar dengan SDG 14 : Life Below Water. Melalui usaha ini, BIBD berhasrat untuk menyumbang kepada pemeliharaan dan pemulihian kepelbagaiannya ekosistem Brunei, dari darat ke laut.

Projek Alam Mampan sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, dan komitmen negara yang lebih luas di bawah Matlamat Pembangunan Lestari PBB. Ia menggariskan sokongan BIBD terhadap Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, khususnya Protokol Hijau, yang menumpukan pada mempromosi amalan mesra alam dan mengurangkan pelepasan karbon merentasi pelbagai sektor.

BIBD menyokong protokol ini dengan melaksanakan amalan hijau dalam bank, menggalakkan pembentukan mampan serta pendigitalan, dan melibatkan diri

dalam projek komuniti seperti penanaman pokok, penuaan / penyemaian terumbu karang dan inisiatif pembersihan pesisir pantai untuk meningkatkan perlindungan hijau dan biodiversiti negara.

Selain itu, BIBD menjadi agensi sektor swasta pertama yang bekerjasama dengan kerajaan ke arah mencapai Sifar Bersih menjelang 2050 melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani dengan Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021.

Perkongsian ini menandakan dedikasi bank terhadap penjagaan alam sekitar dan komitmen untuk menyumbang secara positif kepada pemeliharaan ekologi negara. Usaha ini menekankan dedikasi bank untuk bertindak sebagai perniagaan yang bertanggungjawab dan menyokong organisasi lain dalam usaha mencapai matlamat yang mampan.



## Kerjasama sepadau menentang penggunaan produk tembakau, nikotin

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan



### >> Muka 1

Demikian yang digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024.

Dari segi pemasaran produk-produk tembakau menurut Yang Berhormat, pelbagai teknik manipulasi telah digunakan oleh industri tembakau untuk mempengaruhi generasi muda kepada produk-produk tembakau dan nikotin seperti penghasilan produk-produk tembakau yang mempunyai reka bentuk yang

bergaya atau berbentuk mainan, perisa yang menarik, bungkus yang berwarna-warni dan mempunyai slogan pengiklanan dan penggunaan imej yang disasarkan kepada kanak-kanak; penempatan produk (*product placement*) tembakau dan nikotin dilakukan secara strategik di media-media popular seperti di dalam filem, rancangan TV, muzik dan video muzik yang berperanan untuk menormalkan dan mempopulkarkan produk-produk tersebut di kalangan generasi muda bagi menarik perhatian mereka dan seterusnya meningkatkan keinginan mereka untuk mencuba; dan penajaan individu-individu yang berpengaruh (*influencer*) dan mempunyai pengikut

(*followers*) yang ramai di media sosial bagi mempromosikan produk-produk tembakau dan nikotin, dan seterusnya mempengaruhi pengikut-pengikut mereka untuk membeli produk berkenaan.

Dengan peningkatan platform media sosial dan pemasaran digital ini tambah Yang Berhormat, industri tembakau boleh menembus pasaran yang lebih luas dengan kumpulan sasaran yang lebih tepat.

Dari segi polisi dan undang-undang pula jelas Yang Berhormat, industri tembakau dan yang berkaitan sering kali menentang dasar kawalan tembakau dan langkah-langkah berdasarkan bukti (*evidence-based*), seperti peningkatan cukai eksais dan larangan menyeluruh pengiklanan, promosi dan penajaan tembakau. Sesetengah kerajaan juga telah diancam oleh industri berkenaan dengan tindakan undang-undang.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, menurut Global Center for Good Governance in Tobacco Control (GGTC), semenjak tahun 2021, Negara Brunei Darussalam secara berterusan telah mendahului Global Tobacco Industry Interference Index, iaitu carta dunia negara yang paling sedikit menerima gangguan daripada industri tembakau.

Oleh yang demikian tambahnya lagi, Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan GGTC Global Tobacco Industry Interference Index (GTI) 2023 Integrity Award, sebagai negara berprestasi terbaik dalam GTI 2023 kerana melaksanakan Artikel 5.3 di bawah WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC) dengan berkesan di kalangan 90 buah negara, dengan pengeluaran Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan : 8/2019 yang menegah penglibatan penjawat awam dengan industri tembakau.

Anugerah ini ujarnya, telah disampaikan dalam sebuah acara

sampangan (*side event*) semasa persidangan Sesi ke-10 Conference of the Parties (COP10) to the WHO FCTC di Bandar Panama, Panama.

Pencapaian seperti ini tambahnya, bukan bererti negara kita terlepas dari menjadi sasaran penjualan produk-produk tembakau dan nikotin seperti taktik pemasaran kotor bagi memperjuangkan masa depan masing-masing agar semuanya bebas daripada tembakau dan nikotin.

Sebagai generasi masa depan tekannya, golongan muda di negara ini haruslah sama-sama berganding bahu untuk tidak menormalisasikan (*denormalising*) penggunaan produk tembakau dan nikotin.

Bagi yang ingin berhenti merokok tambahnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok (KBM) di Pusat-pusat Kesihatan di setiap daerah bagi memberikan khidmat kaunseling serta bantuan farmakoterapi seperti alat gantian nikotin kepada yang memerlukan.

Bagi yang berjaya berhenti katanya lagi, insyaAllah, pemberian kepada kesihatan akan dapat dilihat dan dirasakan, serta risiko penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya juga akan menurun.

"Di kesempatan ini, bersemesta dengan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024, saya amat mengalau-alukan kerjasama dan sokongan dari semua pihak untuk sama-sama memperkasa generasi muda di negara ini untuk berganding bahu dalam menentang industri tembakau daripada terpedaya dengan tipu helah mereka. Marilah kita sama-sama berusaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara bebas tembakau dan nikotin demi generasi masa depan yang lebih sihat," ujar Yang Berhormat lagi.

# MENEROKA KEKAYAAN KHAZANAH HUTAN NBD



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Ekspedisi Saintifik dan Persidangan Biodiversiti yang membawakan tema 'Menerokai Biodiversiti Negara Brunei Darussalam (Scientific Expedition : Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity' (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ihsan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



## BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2024

**TEMBURONG**, Khamis, 30 Mei. - Ekspedisi Saintifik dan Persidangan Biodiversiti yang membawakan tema, 'Menerokai Biodiversiti Negara Brunei Darussalam (Scientific Expedition : Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity' merupakan salah satu aktiviti anjuran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun 2024 (Brunei Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2024 - Brunei MYCE 2024).

Hadir melancarkan Ekspedisi Saintifik tersebut yang berlangsung di Stoneville Hotel Temburong ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Hadir sama, Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Naib Canselor UBD, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, pegawai-pegawai serta

para peserta ekspedisi.

Ekspedisi Saintifik tersebut akan berjalan selama 11 hari bermula hari ini di mana peserta memulakan perjalanan ke tapak perkhemahan di kawasan Hutan Simpan Batu Apoi, Temburong dan akan berakhir pada 9 Jun 2024.

Seramai 31 peserta yang terdiri daripada 10 pasukan pengkaji dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa seperti UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Nanyang Technological University, Republik Singapura dan Royal Botanic Garden, University of Edinburgh dari Scotland.

Antara lain matlamat utama ekspedisi ini diadakan adalah untuk mengetahahkan kekayaan khazanah hutan Negara Brunei Darussalam yang sebahagian besarnya masih dalam keadaan asli ke peringkat antarabangsa.

Ekspedisi Saintifik ini melibatkan beberapa projek kajian dari pelbagai disiplin berkaitan biodiversiti, termasuk flora dan fauna, ekologi dan ekosistem hutan, produk hutan bukan kayu, pengurusan hutan dan pemetaan, mikrobiologi, geologi, hidrologi dan tumbuhan perubatan.

Sebahagian daripada hasil daptan dan maklumat baru tentang biodiversiti di negara ini akan dikongsikan di Brunei Darussalam Conference on Biodiversity pada 11 hingga 13 Jun 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa bergambar ramai.



ANTARA lain matlamat utama ekspedisi ini diadakan adalah untuk mengetahahkan kekayaan khazanah hutan yang sebahagian besarnya masih dalam keadaan asli ke peringkat antarabangsa (kiri dan kanan).



**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Jadilah Ibu Bapa Bertanggungjawab'. Tarikh Tutup : 5 Jun 2024
2. 'Jujur, Amanah Dalam Beriaga'. Tarikh Tutup : 12 Jun 2024
3. 'Hentikan Generasi Pembuli'. Tarikh Tutup : 19 Jun 2024

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# 212 PELAJAR CEMERLANG DIRAIKAN

Oleh : Marlina Waty Hussin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BERAKAS**, Rabu, 29 Mei. - Kementerian Pendidikan hari ini mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2023 bagi para pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam Peperiksaan GCE 'A' Level, GCE 'O' Level dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah serta sijil kepada para penerima, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Seramai 212 pelajar dari sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Kerajaan serta swasta seluruh negara menerima anugerah tersebut mengikut kategori yang ditetapkan.

Antara objektif Anugerah Pelajar Cemerlang 2023 tersebut adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik khususnya dalam peperiksaan awam dan sebagai dorongan serta galakan kepada para pelajar supaya lebih bersemangat untuk meraih kecemerlangan pada masa hadapan.



**AWANG** Mohammad Azri Akram bin Mohammad Irwan.



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah serta sijil kepada para penerima.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar Tahun 11 dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Awang Mohammad Fauzan Syahraimi bin Hajji Mohammad Aslenan.

Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan, selaku Pengurus Bersama Majlis, berkata Kementerian Pendidikan akan terus komited untuk memberi pendidikan berkualiti dan holistik kepada para pelajar agar mereka mempunyai kehidupan bermartabat serta menjadi bangsa yang berilmu, berkemahiran tinggi dan progresif.

"Jabatan Sekolah-sekolah dengan kerjasama jabatan-jabatan lain sentiasa berusaha mengukuhkan, menambah baik serta memantapkan inisiatif-inisiatif meningkatkan pencapaian akademik pelajar, pembentukan nilai-nilai murni dan pembangunan sahsiah pelajar selaras dengan tiga matlamat strategik Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Beliau menambah, Pelan Transformasi Digital telah dihasilkan bagi mencapai matlamat strategik pertama, iaitu memberi tumpuan

kepada usaha untuk melahirkan pelajar siap siaga masa hadapan dengan kemahiran dan keupayaan untuk berinovasi, mempunyai keupayaan untuk mencipta-sama, menjalani kehidupan, bekerja, untuk menghadapi masa hadapan yang sentiasa berubah serta menyumbang sebagai ahli masyarakat yang aktif.

"Pelan ini menekankan kepentingan kemahiran digital sebagai salah satu agen perubahan utama dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan kecemerlangan pelajar melalui integrasi teknologi dalam pembelajaran mampu memanfaatkan peluang-peluang pembelajaran di luar bilik darjah.

"Justeru itu, beberapa inisiatif dan projek telah dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dalam hasratnya untuk memperkuuh kemahiran sedia masa hadapan pelajar, memupuk budaya digital dan semangat keusahawanan bagi menekankan kepentingan akses kepada pendidikan yang berkualiti dan saksama," ujar beliau.

Salah seorang penerima Kategori Anugerah Pelajar Cemerlang GCE 'A' Level dari PTE Tutong, Dayang Aisyah Adibah binti Mohammad Daud berkata, anugerah berkenaan merupakan hadiah atas usaha yang

telah dilakukannya selama dua tahun dan ia memberikan beliau motivasi serta dorongan untuk terus mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Menurutnya, konsisten adalah kunci kejayaan beliau dalam bidang pelajaran.

"Saya menjalani rutin harian yang merangkumi masa belajar dan aktiviti penjagaan diri bagi mengekalkan keseimbangan yang sihat.

"Jika saya menghadapi cabaran atau gangguan, saya akan mengingatkan diri sendiri mengenai rancangan jangka panjang dan kenapa saya memilih jalan ini.

"Selain itu juga, bergaul dengan kawan-kawan yang positif dan mengutamakan pendidikan membantu memberi inspirasi kerana kami dapat berkongsi nota, dan meningkatkan prestasi akademik kami," katanya kepada Pelita Brunei.

Beliau turut menyarankan kepada pelajar di luar sana untuk menjadi pelajar yang berdikari.

"Walaupun guru-guru menawarkan bimbingan dan bantuan, mengambil inisiatif untuk meneroka sumber-sumber itu sendiri dapat meningkatkan lagi kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan kebolehan berfikiran secara kritis yang membolehkan kita menangani cabaran itu.

Dayang Aisyah Adibah yang menduduki tempat kedua di seluruh dunia Anugerah Cambridge Outstanding Achiever Awards bagi subjek Teknologi Maklumat GCE 'A' Level tersebut juga merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam keselamatan maklumat, terus mencapai kejayaan dalam akademik dan memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang tersebut.

Sementara itu, penerima anugerah bagi Kategori PSR, Awang Mohammad Azri Akram bin Mohammad Irwan dari Sekolah Rendah Rimba II melahirkan rasa gembira kerana mendapat keputusan yang memuaskan dalam PSR.

Menurutnya, nasihat gurunya yang mengatakan keputusan PSR tersebut amat penting untuk masa hadapan para pelajar mendorongnya untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan yang cemerlang.

Beliau yang gemar mengulang kaji bersama rakan-rakannya merancang untuk menimba lebih banyak ilmu pengetahuan terutama di tempat pengajiannya pada masa ini, iaitu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, agar ia dapat dimanfaatkan ke arah kebaikan.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan turut memberikan penghargaan kepada ibu bapa serta penjaga atas sokongan dan dorongan yang berterusan kepada anak-anak mereka, di samping memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah atas inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun dalam mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan; pemimpin-pemimpin sekolah serta ibu bapa dan penjaga pelajar yang diraikan.



**DAYANG** Aisyah Adibah binti Mohammad Daud.

## Ubat Paracetamol P-500 tidak berdaftar di NBD

**Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan susulan dari terdapatnya amaran melalui media sosial berkenaan dengan ubat Paracetamol 500mg, P-500 yang dikeluarkan oleh Apex Laboratories

Private Limited, India.

Amaran tular ini juga pernah tular beberapa tahun yang lalu dan kini diedarkan lagi melalui media sosial yang mendakwa ubat P-500 berkenaan telah dicemari dengan virus Machupo.

Virus Machupo atau virus demam berdarah Bolivia, adalah virus yang boleh menyebabkan gejala seperti demam, sakit otot, gusi berdarah dan sawan. Virus Machupo boleh berjangkit melalui kontak dengan virus berkenaan, terutamanya melalui air liur, nafis dan air kencing tikus yang dijangkiti.

Kementerian Kesihatan dengan ini memaklumkan bahawa produk ubat P-500 keluaran Apex Laboratories Private Limited, India adalah tidak berdaftar dengan Pihak Berkusa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (NBD) mahupun produk ubat-ubatan lain yang dikeluarkan oleh pengilang yang sama.

Kementerian Kesihatan dengan ini juga ingin memaklumkan bahawa produk ubat berkenaan tidak ada kebenaran untuk pengimportan dan penjualan di negara ini serta tidak ada laporan yang diterima berhubung jangkitan Virus Machupo yang dikaitkan dengan pengambilan ubat Paracetamol setakat ini.

Ubat Paracetamol adalah ubat analgesik yang digunakan untuk melegakan sakit atau demam dan menurunkan suhu badan ke paras suhu normal. Merujuk kepada keperluan Perintah Ubat, 2007, semua produk ubat-ubatan termasuk ubat Paracetamol mestinya berdaftar dan / atau diberi kelulusan oleh Pihak Berkusa Kawalan Ubat NBD sebelum dikeluarkan, diimport dan dipasarkan di negara ini.



**UBAT** Paracetamol 500mg, P-500 yang dikeluarkan oleh Apex Laboratories Private Limited, India.

Pihak syarikat perlu mengemukakan dokumen-dokumen relevan semasa proses pendaftaran dalam memastikan produk tersebut adalah terjamin dari segi kualiti, keselamatan dan keberkesanannya sebelum diberikan kebenaran pemasaran.

Di samping itu, semua produk berdaftar juga perlu mematuhi keperluan spesifikasi produk termasuk pelabelan dalam memastikan informasi penting berkenaan produk dapat dirujuk oleh pengguna.

Ubat Paracetamol adalah ubat yang boleh diperoleh di kedai-kedai runcit dan farmasi tanpa preskripsi

dari doktor dan adalah selamat jika penggunaannya mengikut arahan yang diberikan pada pelabelan.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan dan keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan. Untuk makluman dan pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Bahagian Komplians dan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui talian telefon +673 2393301 atau +673 2393230 sambungan 208 atau menghubungi Talian Darussalam 123.

# PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat selaku Penghulu Mukim Sawat hadir pada Majlis Pengislaman bagi Awang Tindi bin Kasi dan isteri beliau, Dayang Januyah anak Janol berserta anak mereka, Awang Saiful Asami bin Tindi (kiri dan kanan).

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Jumaat, 31 Mei. - Syiar Islam terus berkembang di negara ini setelah sebuah keluarga terdiri daripada Awang Tindi bin Kasi, bangsa Dusun dan isteri beliau, Dayang Januyah anak Janol, bangsa Iban berserta anak mereka, Awang Saiful Asami bin Tindi,

bangsa Dusun, melafazkan dua kalimah syahadah.

Majlis Pengislaman keluarga tersebut diadakan di kediaman mereka di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa; Ketua Kampung RPN Bukit Beruang, Awang Haji Moksin bin

Haji Moktar; dan Pemangku Ketua Kampung Merangking, Daerah Belait, Awang Raimie bin Abdullah Munchong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Awang Tindi, 75 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai

Awang Muhammad Hannan Affandi bin Kasi.

Diikuti oleh isteri beliau, Dayang Januyah, 65 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Nur Sumayyah binti Zainul 'Arifin.

Manakala anak mereka, Awang Saiful Asami, 33 tahun, kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Saiful Azmi bin Muhammad Hannan Affandi.

Majlis Pengislaman tersebut disempurnakan oleh para Pegawai Pengislaman dari Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian cenderamata dari PDI kepada saudara-saudara baharu yang diraikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sekjak awal Januari hingga 27 Mei 2024, seramai 131 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Daripada jumlah tersebut, 27 orang adalah dari Daerah Tutong.

## Membarigakan budaya puak di Daerah Belait



■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Sawat hadir selaku tetamu kehormat merasmikan program berkenaan (atas kiri dan atas tengah), manakala gambar kanan, antara pelajar yang menyertai Program Mettae Belait Kitah bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2024.

**KUALA BELAIT**, Khamis, 30 Mei. - Dalam usaha untuk mengembangkan pengetahuan tentang budaya puak-puak yang ada di Daerah Belait, Jabatan Muzium-Muzium melalui Muzium Daerah Belait mengadakan Program Mettae Belait Kitah bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2024 yang dilancarkan hari ini di Muzium Daerah Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan program berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Mettae Belait Kitah ataupun Kenali Belait Kitani merupakan satu program inisiatif pengurus dan kakitangan Muzium Daerah Belait, Jabatan Muzium-Muzium dalam membarigakan budaya puak-puak yang ada di Daerah Belait.

Bersesuaian dengan tema Hari Muzium Antarabangsa tahun ini

ialitu 'Muzium untuk Pendidikan dan Penyelidikan', program ini diadakan untuk memupuk minat para pengunjung tentang budaya Puak Belait dengan lebih mendalam melalui pameran dan aktiviti kebudayaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Majlis, Pemangku Pengarah Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus yang antara lain menyentuh tentang pentingnya generasi kini dan yang akan datang dalam mengenali dan mengetahui budaya-budaya yang ada di negara ini, khususnya yang ada di Daerah Belait untuk memastikan kelestarian warisan budaya negara.

Beliau juga berhasrat dengan adanya program ini dapat memberikan impak yang positif kepada orang ramai terutama sekali di dalam memupuk minat semua lapisan masyarakat untuk mempertingkatkan lagi penyelidikan serta penyebaran

ilmu dalam usaha untuk memelihara warisan tamadun negara.

Selain daripada pameran yang sedia ada di galeri-galeri Muzium Daerah Belait, program selama satu hari ini juga menyediakan beberapa aktiviti kebudayaan dan juga kemuziuman yang disediakan oleh Jabatan Muzium-Muzium sendiri seperti Permainan Tradisi, Galian Arkeologi dan Sudut Baju Tradisi Budaya.

Beberapa kuiz interaktif dan pertandingan juga akan diadakan yang bersesuaian dengan semua peringkat umur. Jualan buku terbitan Jabatan Muzium-Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah Brunei juga diadakan berserta jualan produk Majlis Kampung (MPK) Daerah Belait.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

جایتن فرانځن ایکونومی دان ستاتیستک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JAHAN HALFWA PENGURGA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

#### Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

#### Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

# NBD JADI TUAN RUMAH MESYUARAT KE-4 KUMPULAN KERJA AD-HOC

Siaran Akbar dan Foto :  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ketua SOCA NBD hadir pada Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja Ad-Hoc untuk Mewujudkan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN Pasca-2025 (atas dan kanan).

**JERUDONG**, Rabu, 29 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Sekretariat Kebangsaan bagi Tungkak Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja Ad-Hoc untuk Mewujudkan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN Pasca-2025 pada 28 hingga 29 Mei 2024 yang berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong.

Mesyuarat Kumpulan Kerja Ad-Hoc telah ditubuhkan pada bulan Februari 2024 semasa Senior Officials Committee for the ASCC (SOCA) Retreat.

Tujuan mesyuarat berkenaan adalah bagi membincangkan penyediaan Pelan Strategik ASCC Pasca-2025 yang mana dijangka akan diluluskan oleh Ketua-ketua Negara / Kerajaan ASEAN pada tahun hadapan.

Mesyuarat ini juga telah mengadakan perbincangan terbuka



dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan ASCC; dan semasa Mesyuarat Ke-4 ini, pusat-pusat ASEAN dan entiti-entiti berkaitan seperti ASEAN Centre for Climate Change, ASEAN Centre for Biodiversity, dan Asian Partnership for Development of Human Resources in Rural Asia, turut hadir secara fizikal dan juga secara maya.

Mesyuarat Kumpulan Kerja Ad-Hoc ini telah dipengerusikan

bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan Republik Demokratik Rakyat Laos, Tuan Yang Terutama Khamphou Phiasackha juga selaku Pengerusi ASEAN 2024 dan Timbalan Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Puan Yang Terutama Dr. Christina Yeo juga selaku Pengerusi ASEAN 2025.

Mesyuarat telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Negara-negara Ahli ASEAN dan Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi ASCC Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Ekkaphab Phanthavong hadir sebagai negara pemerhati.

Delegasi NBD telah diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Ketua SOCA NBD.

## Pemerkasaan literasi bangsa melalui pendekatan senegara



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin hadir selaku tetamu khas majlis (atas), manakala gambar atas kanan, pembentangan disampaikan oleh Dr. Aliamat bin Omar Ali sebagai pembicara eksekutif.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa mengambil inisiatif sempena Bulan Bahasa pada kali ini dengan mengadakan kegiatan kebahasaan yang antaranya ialah Tamu Bahasa bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin.

Pembentangan disampaikan oleh Dr. Aliamat bin Omar Ali sebagai pembicara eksekutif, dengan tajuk 'Pendekatan Senegara dalam Memperkasa Keterampilan Literasi Bangsa : Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Pemakalah merupakan Penolong Profesor, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Majlis tersebut dipengerusikan oleh Pegawai Bahasa, DBP, Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha.

Tamu Bahasa juga dapat dilayari melalui penstriman langsung di Facebook 'Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei'.

Seramai 142 peserta hadir ke majlis tersebut yang terdiri daripada pegawai-pegawai DBP dan juga para pelayar Facebook.

Antara inti pati yang dibincangkan oleh pemakalah ialah takrifan bahasa dan literasi, menangani kesalahfahaman umum mengenai konsep pendidikan literasi dan strategi berkesan dalam pemerkasaan keterampilan

literasi bangsa khususnya melalui pendekatan senegara.

Menerusi pembentangan ini juga, pemakalah mencadangkan supaya mengekalkan dan memperkuatkan usaha yang biasa dibuat khususnya berkaitan dengan literasi dengan penyesuaianya didasari bagi mendukung agenda memperkasa keterampilan literasi.

Seterusnya, menyebarkan kerjasama daripada pelbagai pihak dan menggalakkan penyelidikan melalui sokongan terutama berkenaan tahap dan keperluan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



literasi dewasa.

Kesimpulannya, pemerkasaan literasi merupakan tanggungjawab semua yang memerlukan pendekatan senegara lebih pragmatik.

Antara objektif Tamu Bahasa ialah mendapatkan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak untuk menyebarluaskan pengetahuan dan memantapkan bahasa Melayu

sebagai bahasa rasmi negara; membincangkan isu-isu semasa berkaitan bahasa Melayu untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu, istilah-istilah baharu dan tulisan Jawi yang menjadi ciri identiti bahasa Melayu; dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman semua lapisan masyarakat bahawa bahasa Melayu sebagai identiti bangsa Melayu.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

# PERTANDINGAN SPELLING BEE RAIKAN PENCAPAIAN EJAAN DALAM BAHASA INGGERIS



■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



**PEMANGKU** Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Metusin bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan (atas dan atas kanan).



**SENGKURONG**, Khamis, 30 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama CfBT Education Services mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan Spelling Bee Peringkat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan

ANTARA pelajar yang menyertai pertandingan.

hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Pertandingan terbahagi kepada empat kategori iaitu Kategori Lelaki Sekolah Rendah, Kategori Perempuan Sekolah Rendah, Kategori Lelaki Sekolah Menengah dan Kategori Perempuan Sekolah Menengah.

Bagi Kategori Lelaki dan Perempuan Sekolah Rendah, para pemenang masing-masing terdiri daripada Muhammad Azka Maleek bin Muhammad Jasni dan Nurfairuz Hawani binti Azman dari Tahun 1; Muhammad Idzhar Shamsudeen bin Ali Hassan dan Dayangku Siti Aida Kamila binti Pengiran Md. Dinie dari Tahun 2; Awangku Harith

Khairi Muqri@Awangku Ramadhan bin Pengiran Marsal dan Naomi Olivia binti Ezra dari Tahun 3; Muhamad Syafiq Muaz bin Mohd Syadee dan Dayangku Syifa Hanani binti Pengiran Syah Haddy dari Tahun 4; Muhamad Adam Danish bin Muhamad Harithah dan Nur Zahiyyah binti Mazleajizul dari Tahun 5; serta Mumtaz Az-Zhafran bin Abd Khalid dan Mya Sara Asyikin binti Muamar dari Tahun 6.

Bagi Kategori Lelaki dan Perempuan Sekolah Menengah pula, para pemenang masing-masing terdiri daripada Mohammad Izz Hareez Zulhair bin Mohammad Eddie Norislam dan Nurzafeeqa humaira binti Mohd. Zamalee Asnee dari Tahun 7; Dimmitri Faizal Perida Hugo dan Aimi Shahirah Batrisyia binti Muhammad Nur Afiq @ Afifah dari Tahun 8; Harith Haikal bin Reni dan Raniya Azeeza binti Mordeny dari Tahun 9; serta Abdul Qawiem Hashim bin Abdullah dan Tiffany Lim dari Tahun 10.

Seramai 797 peserta menyertai pertandingan berkenaan di peringkat kluster, manakala 120 orang peserta terpilih untuk bertanding di peringkat akhir pada hari ini.

Antara objektif pertandingan ini adalah untuk meraikan pencapaian ejaan dalam Bahasa Inggeris khususnya dalam kalangan kanak-kanak Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga diharapkan untuk menaikkan martabat pertandingan ini ke seluruh negara.

## Majlis Doa Selamat sempena Hari Keluarga 2024



**PERSATUAN Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA)** mengadakan Majlis Doa Selamat bagi ahli-ahli serta keluarga persatuan bersempena Hari Keluarga 2024 di Ar-Raiyan, kediaman Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Ali di Jerudong.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**JERUDONG**, Jumaat, 31 Mei. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) hari ini mengadakan Majlis Doa Selamat bagi ahli-ahli serta keluarga persatuan bersempena Hari Keluarga 2024 yang bertemakan 'Keluarga Sihat Fizikal, Mental, Kerohanian untuk

Membawa Keluarga Sakinah, Mawaddah dan Warahmaah'.

Majlis berlangsung di Ar-Raiyan, kediaman Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Ali di Jerudong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah

beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Selawat Tafrijiyah dan Selawat Shifa.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan dikir dan tausyeh, seterusnya bacaan Doa Selamat oleh Dayang Linda binti Isa.

Sementara itu, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula diketuai oleh Hajah Kasmah binti Haji Hashim.

  
**Pengenalan:**  
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

**Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:**

			
---	---	---	---

Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

 Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular	 Pemeriksaan kanser kolorektal
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.	Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50-69 tahun dan; 2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan 3. Tidak menjalani ujian nafis untuk mengesan dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
 Pemeriksaan kanser payudara	 Pemeriksaan kanser serviks
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50-69 tahun dan; 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.	Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 20-49 tahun dan; 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

**#SihatHasratKu**  
www.pppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

**IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

- 1 Teliti Skim Ikan sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim ikan akan ditolak.
- 3 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 4 Lengkapkan Kelulusan ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)) untuk subjek / bidang ketidaksamaan
- 5 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)) yang berkorespondensi dengan pengajuan Permohonan Perkhidmatan Awam / Ijazah-Ijazah / Kelayakan profesional dan lamaran yang diperlukan di dalam skim ikan
- 6 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajan"
- 7 Berikan pernyataan / Represenasi Perkhidmatan Awam / Ijazah-Ijazah / Kelayakan profesional dan lamaran yang diperlukan di dalam skim ikan

Teliti WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
+673 7371961  
PSC.BN  
query@spa.gov.bn  
PSC.BN

### KESALAHAN-KESALAHAN

DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

#### BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK  
**\$10,000**  
DAN PENJARA SELAMA  
**2 TAHUN**



#### PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAICKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN TATATERITIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.**



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran:**  
MOFE / UPAH / T / 2024 - 1

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Pencegah Kebakaran Bagi Tempoh 36 Bulan Di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen:**  
BND30.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
11 Jun 2024



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran:**  
MOFE / UPAH / T / 2024 - 2

**Tajuk Tawaran :**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Gondola Bangunan Bagi Tempoh 36 Bulan Di Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
BND10.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
4 Jun 2024



**KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI**

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

#### Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

**Jawatan :**  
Operations Officer (Social Policy Development Section), Outreach and Project Development Manager (Ocean and Natural Resources, Trade, Oceans and Natural Resources Directorate)

**Kekosongan :**

1

**Tarikh Tutup :**  
3 Jun 2024

Untuk maklumat, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibuka kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
Mod Approved Lift Contractor

**Kategori:**  
KPME02

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**  
4 Jun 2024 (Selasa)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BOP-LE / 08 / 2024

**Nama Projek:**  
Pemeliharaan Lif 'Schindler' Di Bangunan-Bangunan Kerajaan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
18 Jun 2024 (Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 40 / 24 - 25

– Supply And Delivery Of Moving Head Lighting For Studio 4

**2. Tajuk Sebut Harga :**  
RTB / K / 41 / 24 - 25

– Supply And Delivery Of ENG Camera And Accessories

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 12 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**1.Tajuk Sebut Harga:**  
RTB / K / 32 / 24 - 25

– Percetakan Dan Pembekalan Custom Designed Recycle Bag and Foldable Fan With Pouch Untuk Cenderamata Responden Kajian

**Bayaran Yuran:**  
BND5.00 (tidak dikembalikan)  
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**  
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)  
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 26 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran:**  
MOFE / UPAH / T / 2024 - 1

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Pencegah Kebakaran Bagi Tempoh 36 Bulan Di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen:**  
BND30.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
11 Jun 2024



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran:**  
MOFE / UPAH / T / 2024 - 2

**Tajuk Tawaran :**  
Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Gondola Bangunan Bagi Tempoh 36 Bulan Di Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
BND10.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
4 Jun 2024



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :**  
MOFE / UPAH / T / 2024 - 3

**Tajuk Tawaran :**  
Term Contract (36 Months) Janitorial Cleaning / Housekeeping Works For Ministry Of Finance And Economy, Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran / Dokumen:**  
BND100.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
11 Jun 2024



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga :**  
Kerja-Kerja Pembekalan dan Penggantian Bulb dan Tube Lampu Serta Aksesori Berkaitan Bagi Tempoh 12 Bulan Di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive

**Bilangan Sebut Harga :**  
MOFE / UPAH / Q / 2024 - 1

**Yuran Tawaran / Dokumen :**  
Percuma

**Tarikh Tutup :**  
Sabtu, 8 Jun 2024





KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran :**  
MINDEF / DFA / FY2024 / MAB /  
TA / 02  
Pembelian Baharu  
Lesen Bagi Perisian  
Symantec Endpoint Protection  
(3 Years License)

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)  
Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran  
adalah seminggu sebelum  
Tarikh Tutup tawaran,  
iaitu **Selasa 11 Jun 2024**.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
18 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAU DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 09

**Tajuk Tawaran:**  
Repair And Repainting Works  
To Royal Dais, VVIP Grandstand  
(Wing A And Wing B), Medic  
Building And Toilet Block at  
Jalan Pengiran Ahmad, Tutong

**Bilangan Tawaran:**  
JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 10

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Mengganti Distribution  
Board Di Rumah Kediaman Rasmi  
Pegawai Daerah Tutong,  
Jalan Sungai Basong, Tutong,  
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Sabtu,  
15 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAU DALAM NEGERI

**Tawaran Bil :**  
KHEDN / 8 / 1.4 / 2 - 2024

**Tajuk Tawaran :**  
Tawaran Selama Satu (1) Tahun  
Skim Perlindungan  
Insurans / Takaful  
Bagi Penghulu Mukim, Ketua  
Kampung dan Ketua Rumah  
Panjang (Retender)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
5 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAU UGAMA

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga :**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SUPM / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan  
Dan Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping) Bagi Sekolah  
Ugama Panchor Murai, Kawasan  
Brunei IV Tempoh 24 Bulan

**Bilangan dan Tajuk  
Sebut Harga :**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SASHHB, RIMBA / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan  
Dan Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping) Bagi Sekolah  
Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah,  
Rimba Tempoh 12 Bulan

Di bawah Kawalan  
Jabatan Pengajian Islam  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Tahun 1445H-1446H /  
2024M – 2025M

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
27 Zulkaedah 1445H /  
5 Jun 2024M  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAU DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
KHEDN / UTM / LTK / 01 - 2024

Two (02) Years Term Contract  
For The Supply And Delivery  
Of Printer Toners For  
Ministry Of Home Affairs

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
11 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas :**  
II & III

**Kategori :**  
B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**

Selasa,  
11 Jun 2024

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 21 / CQS / 2024-T / II

**Nama Projek:**  
Menaik Taraf Jambatan Pejalan  
Kaki Yang Berhubung Galeri  
Kebudayaan dan Pelancongan  
Kampong Ayer dan  
Jambatan Pejalan Kaki  
Perumahan Lorong Sikuna

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
25 Jun 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAU DALAM NEGERI

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 03 / 2024-2025

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Pembinaan Kerosakan  
Kecil dan Mencat Bangunan Gerai  
Selera Tutong, Jalan Menteri Taib,  
Pekan Tutong

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 04 / 2024-2025

**Tajuk Tawaran:**  
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Aset-  
Aset Jabatan Bandaran Tutong  
(Banglo JKR No. 82 & 83 Kelas 'F',  
Jalan Sungai Basong).

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu, 12 Jun 2024  
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAU DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**  
JDB / BKPD / SH / 02 / 2024

**Tajuk Tawaran:**  
Quotation To Lay New Tiles At  
Dewan Jabatan Daerah Belait  
Cawangan Seria

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Kelas :**  
I Dan II

**Kategori:**  
KA01 dan B01

**Tarikh Tutup:**  
4 Jun 2024  
(Selasa)



PERATURAN  
PENGIKLANAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**  
**kurang dari empat (4) minggu** dan  
**Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari**  
**dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU**  
**SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGK :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGK  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



# ISLAM AGAMA KEDAMAIAAN

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 22 ZULKAEDAH 1445H/31 MEI 2024M



## ISLAM

- Agama yang mencintai kedamaian dan keamanan dan membenci permusuhan
- Keamanan, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat: Harapan dan hasrat setiap negara
- Melarang umatnya dari memulakan sebarang perang tanpa sebab-sebab yang munasabah dan kukuh

**KE ARAH MENCAPAI DAN MEREALISASIKAN MAKSUD TERSEBUT, DI ANTARANYA IALAH DENGAN PENUBUHAN PASUKAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI YANG KUAT DAN LENGKAP DARI SEGI:**



Peralatan yang serba canggih dan moden



Jasmani dan Rohani

**KEKUATAN IMAN JUGA AMAT PENTING KERANA SEJARAH SILAM TELAH MEMBUKTIKAN BAHWA KEKUATAN DAN KEMENANGAN SEBENAR TENTERA ISLAM BUKANLAH TERLETAK KEPADA KERAMAIAAN TENTERA DAN KECANGGIHAN PERALATAN PERANGNYA TETAPI BERPUNCA DARI:**

Kekuatan Iman

Keikhlasan dan kejujuran



Taat kepada ketua

Berjuang kerana Allah SWT

**WUJUDNYA PASUKAN BERSENJATA BUKANLAH NIAT UNTUK MELAKUKAN PENCEROBOHAN DAN PENGANIAYAAN TERHADAP SESIAPA, TETAPI BAGI:**

Mempertahankan diri dan negara dari ancaman

Pengkhianatan dan pencerobohan



# Islam agama kedamaian



rohani. Kekuatan iman juga amat penting kerana sejarah silam telah membuktikan bahawa kekuatan dan kemenangan sebenar tentera Islam bukanlah terletak kepada keramaian tentera dan kecanggihan peralatan perangnya tetapi berpunca daripada kekuatan iman, keikhlasan dan kejuran, taat kepada ketua dan yang penting berjuang kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Di dalam Islam wujudnya pasukan bersenjata bukanlah niat untuk melakukan pencerobohan dan penganiayaan terhadap sesiapa tetapi digunakan bagi mempertahankan diri dan negara dari ancaman, pengkhianatan dan pencerobohan. Malahan agama Islam melarang umatnya dari melakukan sebarang peperangan tanpa sebab-sebab yang munasabah dan kukuh seperti diperangi dan sebagainya.

Dalam hal inilah berlakunya salah faham sehingga timbul tuduhan dan tanggapan sinis yang mengatakan Islam itu disebarluaskan dengan kekerasan, kezaliman dan Islam itu menggalakkan peperangan. Mereka mendakwa Islam tersebut adalah dengan peperangan.

Bagi membetulkan salah faham yang berlaku ini, perlulah diketahui dan difahami prinsip sebenar peperangan dalam Islam. Islam tidak akan memerangi sesiapa tetapi akan berjihad (berjuang) jika diperangi. Peperangan dalam Islam tidak boleh berlaku dan tidak boleh dicetuskan melainkan atas sebab-sebab tertentu seperti mempertahankan diri dan menentang pencerobohan, mempertahankan diri daripada penganiayaan dan kezaliman dan menegakkan keadilan. Islam melarang peperangan untuk tujuan meluaskan kuasa, pengaruh atau jajahan takluk, begitu juga melarang peperangan kerana membala dendam, sehingga membuat perrusuhan, kehancuran dan pemusnahan.

Islam membolehkan jihad bersenjata dilakukan apabila orang Islam diperangi dan dizalimi, dihalau dari kampung halaman dan rumah mereka, harta

dirampas, ditegah dari beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berlaku pencerobohan terhadap masjid. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Haj, ayat 39-40 yang tafsirnya : "Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang (Islam) yang diperangi disebabkan mereka itu telah dizalimi dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). (aitu mereka diusir dari kampung halaman mereka dengan tidak berdasarkan suatu alasan yang benar. (Mereka itu diusir) hanya disebabkan mereka berkata "Tuhan kami ialah Allah".

Jelas kepada kita bahawa Islam mengharuskan perang apabila dalam keadaan terpaksa bagi mempertahankan diri, menegakkan keadilan dan mempertahankan akidah. Islam menggariskan batas-batas yang mestilah dipatuhi dan diikuti ketika perang. Jika musuh ingin berdamai, maka orang Islam wajib menghentikan peperangan. Orang Islam diperintahkan supaya tidak melakukan perrusuhan dan mencabut hak orang lain. Peperangan bukanlah cara hidup orang Islam. Peperangan adalah pilihan terakhir setelah tidak ada jalan penyelesaian.

Islam adalah agama keamanan dan menuntut supaya setiap umatnya berusaha ke arah keamanan, tanpa mengira agama, bangsa dan negara, selagi kerahmatan agama Islam dan keamanan orang Islam terjamin dan tidak dicabuli.

Sesungguhnya tugas sebagai tentera adalah amat mulia, tugas yang mereka pikul amat besar ganjarannya apatah lagi jika disertai dengan niat ikhlak kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Saff, ayat 10-11 :

**Tafsirnya** : "Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih? (aitu) kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya serta kamu berjihad pada

jalan Allah dengan harta benda dan jiwa kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika benar kamu mengetahu".

Ketahuilah, jika ditakdirkan gugur dalam berjuang menentang musuh kerana negara dan mempertahankan kesucian agama Islam, gugurnya adalah mati syahid. Pada hakikatnya sesiapa yang terkorban dalam perjuangan membela agama, mereka tidaklah mati, bahkan mereka hidup dengan keadaan yang istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 169 :

**Tafsirnya** : "Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka bahawa orang-orang yang terbunuh (mati syahid) di jalan Allah itu mati, bahkan sebenarnya mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan dikurniakan rezeki".

Semangat perwira seharusnya bukan hanya ada pada tentera tetapi perlu ada pada semua lapisan masyarakat kerana negara memerlukan rakyat yang mahu berjuang dan berkorban bagi mempertahankan negaranya. Oleh itu perasaan cinta pada agama, raja dan negara perlu disemai, nilai kemerdekaan dan keamanan perlu dihargai. Jadikanlah pemuda pemudi negara ini pemuda pemudi yang cergas dan gagah dari segi fizikal dan mental.

Marilah kita sama-sama menanamkan semangat cinta pada agama, cinta pada kemerdekaan, negara dan bangsa kerana dengan demikian akan lahirlah perasaan kasih dan rela berkorban. Kita berdoa semoga negara kita yang tercinta ini sentiasa di bawah lindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasihlagi Maha Penyayang. Amin Ya Rabb Alamin.

**Tafsirnya** : "Dan janganlah kamu bersa lemah (dalam menegakkan Islam) dan janganlah pula kamu bersedih padahal kamu lah orang-orang yang tertinggi (darjatnya) jika benar kamu orang yang beriman". (Surah Ali-Imran, ayat 139)

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Islam adalah agama yang mencintai kedamaian dan keamanan dan membenci perrusuhan. Keamanan, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat merupakan harapan dan hasrat setiap negara, baik negara kecil maupun besar sama ada ia negara Islam ataupun bukan Islam. Keseluruhannya mengharapkan keamanan dan kemakmuran.

Itulah juga yang menjadi impian dan idaman negara kita Negara Brunei Darussalam. Maka ke arah mencapai dan merealisasikan maksud tersebut di antaranya ialah dengan penubuhan pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang kuat dan lengkap, bukan sahaja dari segi peralatan yang serba-serbi canggih dan moden tetapi juga kuat dari seri jasmani dan

## Capai kecemerlangan tangani gangguan industri tembakau

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mei. - Dalam perjuangan global yang berterusan menentang tembakau, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah muncul sebagai pengaruh yang signifikan, apabila baru-baru ini menerima Anugerah Integriti daripada Global Center for Good Governance in Tobacco Control (GGTC) (kanan dan bawah).

industri tembakau. Menerajui Indeks Gangguan Industri Tembakau Global dalam kalangan 90 negara di seluruh dunia dengan skor 14, NBD menunjukkan prestasi cemerlangnya dalam melindungi dasar kesihatan awam daripada kepentingan komersial. Pencapaian ini amat ketara dalam pelaksanaan berkesan Artikel 5.3 WHO FCTC, yang mengehendaki perlindungan terhadap kepentingan komersial dan kepentingan lain industri tembakau.

Ini adalah khususnya pada tahun 2019, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah membentuk peraturan *code of conduct* bagi penjawat awam di negara ini, seperti yang direkodkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri BIL: 8/2019.

NEGARA Brunei Darussalam muncul sebagai pengaruh yang signifikan, apabila baru-baru ini menerima Anugerah Integriti daripada Global Center for Good Governance in Tobacco Control (GGTC) (kanan dan bawah).

Peraturan ini secara tegas melarang sebarang penglibatan dengan industri tembakau dan telah dikenali sebagai amalan terbaik oleh GGTC. Ketika negara meraikan pencapaian ini, adalah penting bagi semua pihak berkepentingan untuk memahami peranan mereka dalam meningkatkan usaha



kawalan tembakau. Kakitangan awam, terutamanya, memainkan peranan penting dalam mematuhi peraturan *code of conduct* ini dan menyokong dasar bebas tembakau.

Selain itu, individu dan masyarakat secara amnya boleh menyokong inisiatif ini dengan menyokong dan menguatkuasakan persekitaran bebas tembakau di tempat kerja, institusi pendidikan, kawasan awam dan persendirian.

Dalam pada itu, menangani ketagihan nikotin adalah perkara yang penting. Oleh itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian

Kesihatan menawarkan Klinik Berhenti Merokok (KBM) yang menyediakan khidmat kaunseling dan bantuan farmakoterapi kepada mereka yang ingin berhenti merokok dan menggunakan vape.

Bagi maklumat lanjut atau sebarang bantuan, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline Darussalam di 123, membuat temu janji melalui aplikasi BruHealth, atau mengunjungi Pusat Kesihatan yang berdekatan. Dengan bersatu padu, marilah kita menyahut seruan untuk bersama dalam usaha ke arah masa depan bebas tembakau untuk generasi kitani yang akan datang.



## 2 KAPAL LAUT JMSDF BERLABUH DI PELABUHAN MUARA



KAPAL laut Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF), JS KASHIMA dan JS SHIMAKAZE yang diketuai oleh Panglima Skuadron Latihan Jepun, JMSDF, Laksamana Muda Nishiyama Takahiro membuat persinggahan ke Negara Brunei Darussalam dan berlabuh di Pelabuhan Muara (atas, atas kanan dan kanan).

MUARA, Khamis, 30 Mei. - Dua kapal laut Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF), JS KASHIMA dan JS SHIMAKAZE yang diketuai oleh Panglima Skuadron Latihan Jepun, JMSDF, Laksamana Muda Nishiyama Takahiro membuat persinggahan ke Negara Brunei Darussalam dan berlabuh di Pelabuhan Muara.

Hadir bagi mengalu-alukan kedatangan dua kapal tentera laut tersebut ialah Chargé d'Affaires of the Embassy of Japan, Tuan Suda Atsushi bersama Penolong Ketua Staf Operasi Komandan, Komander Malek Fadillah bin Pehin

Datu Juragan Laila Diraja Kolonel (B) Dato Seri Pahlawan Haji Kefli, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Kapal-kapal berkenaan membawa kira-kira 570 anggota Tentera Laut Jepun, termasuk kira-kira 190 graduan Kursus Calon Pegawai Am Ke-74, yang akan berada di negara ini dari 30 Mei hingga 2 Jun sebagai sebahagian daripada Latihan Pelayaran Luar Negara 2024.

Sepanjang berada di sini, mereka akan melawat Muzium Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Kampong Ayer; Pusat Kesenian dan Kraftangan Brunei; masjid-

masjid; dan sebagainya.

Selain itu, turut diadakan nanti ialah acara memperingati Tahun Persahabatan Jepun-Brunei 2024 dengan Pameran Budaya Jepun oleh anggota kapal termasuk Pancaragam JMSDF, Yokosuka, pada Sabtu, 1 Jun nanti bermula pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang di Pusat Beli-Belah Times Square.

Lawatan oleh JMSDF bertujuan bukan sahaja untuk menyediakan pegawai pelatih peluang latihan sambil bekerja melalui pelayaran laut, tetapi juga untuk mempromosikan persahabatan dan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



muhibah dengan negara-negara kepada merealisasikan 'Indo-Pasifik Bebas dan Terbuka'.

## Seminar bincang peralihan landskap undang-undang ke arah ADR



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Mei. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) baru-baru ini mengadakan seminar bertajuk 'Toward A More Efficient Dispute Resolution: Best Practice in Asia and Beyond'.

Taklimat utama disampaikan oleh

Dr. Michael Hwang SC yang bertajuk 'Guerilla Tactics in International Arbitration'.

Dr. Michael Hwang SC merupakan seorang graduan Universiti Oxford dan beliau telah dilantik sebagai salah seorang daripada 12 peguam kanan pertama di Mahkamah Besar



AHLI panel terdiri daripada Dr. Michael Hwang SC, Profesor Luke Nottage, David Ravenscroft, manakala Dr. Nobumichi Teramura dari Universiti Brunei Darussalam adalah moderator kepada perbincangan berkenaan (atas kiri dan atas).

Singapura pada tahun 1997.

Dr. Michael Hwang SC telah menjelaskan asas perundungan untuk mengkategorikan beberapa pihak dalam timbangtara sebagai arbitration guerilla serta menerangkan taktik yang lazim digunakan serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk menghadapi taktik-taktik tersebut. Beliau juga menerangkan beberapa kesan undang-undang serta sebahagian peruntukan Undang Model UNCITRAL, Peraturan LCIA, dan kod tingkah laku profesional antarabangsa dalam timbangtara yang telah membentuk asas perundungan untuk melabel taktik-taktik gerila sebagai perkara yang tidak dibenarkan secara undang-undang dan perkara-perkara lain yang boleh digunakan untuk membidas taktik-taktik tersebut.

Acara seterusnya diteruskan dengan perbincangan panel berjadual 'Embracing Shift Towards Arbitration and Mediation'.

Ahli panel terdiri daripada Dr. Michael Hwang SC, Profesor Luke Nottage, David Ravenscroft, manakala Dr. Nobumichi Teramura dari Universiti Brunei Darussalam adalah moderator kepada perbincangan berkenaan.

Panel tersebut membincangkan peralihan landskap undang-undang ke arah Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) dan juga cabaran-cabarannya terhadap penggunaan metodologi Timbangtara-Pengantaraan (Arb-Med) untuk menyelesaikan pertikaian.

Peralihan ini mencerminkan penggunaan penyelesaian pertikaian yang lebih cekap, kos efektif dan

kolaboratif.

Panel menekankan penerimaan dan cabaran peralihan ini oleh pengamal undang-undang dan perniagaan di pelbagai bidang kerjaya.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah BDAC, Haji Muhammad Zainidi bin Haji Abdul Hamid, bagi pihak Pengurus BDAC.

Seminar berkenaan telah dihadiri oleh pelbagai pengamal undang-undang dan pemilik perniagaan domestik dan antarabangsa.

Seminar ini adalah salah satu daripada pelbagai acara tersenarai yang dianjurkan oleh BDAC ke arah Borneo ADR Week yang akan diadakan pada Pertengahan bulan Julai 2024.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

Sila muat turun

**PenggunaBijak**

Janin فرنجقی پیکنوس دان ستائیسی  
FAIRIAS PERENCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Smartphone Smart  
Available on App Store Google play

# PERASMIAN GIRLS IN ICT DAY 2024

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Mei. - Lebih 70 pelajar perempuan Tahun 7 hingga 11 dari sekolah kerajaan dan swasta berpeluang menghadiri sesi Ceramah Motivasi dan perkongsian pengalaman pada acara Girls in ICT Day 2024 yang diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, hari ini.



BLOCKCHAIN Consultant, ITPSS Sdn. Bhd., Dayang Zara Laila Abdul Hadi semasa mengongsikan taklimat.

Hadir merasmikan Girls in ICT Day 2024 ialah Penolong Ketua Eksekutif Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Dayang Asimah binti Haji Hassan hadir pada perasmian Girls in ICT Day 2024.

Penolong Ketua Eksekutif AITI dalam ucapannya mengakui akan keperluan kritikal bagi model peranan wanita dalam kerjaya Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Beliau juga menekankan bahawa untuk berkembang maju dalam STEM, pendedahan kepada wanita dalam jawatan kepimpinan adalah penting kepada gadis dan wanita muda dalam memberi inspirasi kepada mereka untuk meneruskan kerjaya dalam STEM.

Menurutnya, kenyataan tersebut membantu untuk memecahkan stereotaip, meningkatkan keyakinan dan menginspirasikan cita-cita, menunjukkan bahawa aspirasi dalam STEM boleh dicapai oleh wanita muda.

Selain itu tambahnya, mempunyai pemimpin wanita dalam STEM menggalakkan persekitaran yang lebih inklusif dan pelbagai, yang boleh memupuk inovasi dan mewujudkan rangkaian sokongan

PENOLONG Ketua Eksekutif Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Dayang Asimah binti Haji Hassan hadir pada perasmian Girls in ICT Day 2024.

untuk generasi akan datang. Girls in ICT Day 2024 diadakan bersempena dengan International Girls in ICT Day 2024 yang dianjurkan oleh AITI dengan tema tahun ini iaitu 'Kepimpinan'.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi perkongsian mengenai 'Girls in Cybersecurity : Paving the Way for a Safer Digital Future' yang disampaikan oleh Blockchain Consultant, ITPSS Sdn. Bhd., Dayang Zara Laila Abdul Hadi diikuti perkongsian bertajuk 'Braving Through Challenges in Graphic Design' yang disampaikan oleh Pengasas dan Pengarah Kreatif, Studio Mushi, Alia Alkaff.

Sesi-sesi perkongsian tersebut mengongsikan ilmu dan pengalaman kepimpinan dalam bidang kepakaran penceramah masing-masing seperti blockchain dan reka bentuk grafik bagi memperkasa belia wanita untuk meneruskan kerjaya dalam STEM.



Sementara itu, Pasukan Projek Pemerkasaan Belia (YEP) dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong yang terdiri daripada Grizabella Tonny, Natasya Emerald Leong binti Mohammad Haziman dan Nur Hamizah Syazwana binti Haji Zul Amali turut berkongsi beberapa buah fikiran berkaitan 'Inspiring Future Leaders through the Power of ICT'.

Ia kemudian diikuti dengan perbincangan panel bertemakan 'Empowering Girls in STEM Leadership' yang dikendalikan oleh Pengurus AITI, Dayang Nurhayati binti Haji Mokim. Acara diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Seni Digital yang diadakan bersempena International Girls in ICT Day 2024.

Girls in ICT Day merupakan satu inisiatif yang disokong oleh International Telecommunication Union (ITU) untuk mewujudkan persekitaran global yang memperkasa dan menggalakkan gadis dan wanita muda untuk mempertimbangkan kerjaya dalam bidang ICT yang semakin berkembang. Ia disambut pada Khamis keempat bulan April setiap tahun dan tahun ini, Girls in ICT Day disambut pada 25 April 2024.

**TID ROLLOVER** pada 24 November 2024

**APA** kah TID ROLLOVER ini?

Tetapan semula sistem yang berlaku **di seluruh dunia pada 24 November 2024**.  
**Meter prabayar yang ada pada masa ini akan menolak token yang dijana selepas tarikh ini disebabkan kaunter dalaman mencapai hadnya.**

**KENAPA** kah penukaran meter perlu dilakukan?

Meter berjenama **STAR, INHE dan PLESSEY** dimestikan untuk ditukar kepada Meter Pintar kerana **Sistem Meter Pintar (USMS) tidak berdasarkan sistem token**.

**SIAPA** kah yang terjejas akibat TID ROLLOVER ini?

Pelanggan yang menggunakan **meter STS (token) seluruh dunia** iaitu seperti meter berjenama **STAR, INHE dan PLESSEY**.

**APA** kah yang patut dilakukan jika jenama meter saya **STAR, INHE & PLESSEY**?

Berikan kerjasama kepada pihak yang berkenaan dalam menjayakan **Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS**

## PPB anjur Hari Terbuka 2024

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERIBI**, Rabu, 29 Mei. - Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri hari ini menganjurkan Hari Terbuka 2024 bertempat di PPB, Beribi, di sini.

Antara aktiviti-aktiviti yang turut diisikan semasa Hari Terbuka tersebut ialah sesi perkongsian oleh pakar industri dan pembimbing kerjaya bertaualah dalam tujuan untuk membantu para pencari pekerja untuk mengembangkan rangkaian kerjaya.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan tip-tip menarik dan eksklusif dalam mencari sebarang pekerjaan selain meningkatkan kemahiran relevan. Turut diadakan ialah Kursus Asas IT di samping pameran dan perkhidmatan program.

Pegawai Tugas-Tugas Tingkat II PPB, Awang Mohd. Khairul Hasbullah bin Haji Anuar ketika ditemui berkata antara tujuan utama Hari Terbuka 2024 ini adalah untuk membarigakan perkhidmatan-perkhidmatan, program-program serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Pusat PPB dan Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM).

Di samping itu juga, ia bertujuan untuk memberikan peluang bagi orang ramai terutama para pencari kerja untuk berinteraksi dengan kakitangan PPB untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program-program yang disediakan.



PUSAT Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri semasa menganjurkan Hari Terbuka 2024.

Layari laman sesawang dan Instagram Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) untuk mengikuti perkembangan mengenai TID Rollover.

[www.des.gov.bn](http://www.des.gov.bn) [desbrunei](https://desbrunei.com)

# PASTIKAN UNDANG-UNDANG SETIAP AGENSI DIPATUHI

**Siaran Akbar dan Foto :**  
Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 29 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Bersepadu Siaga 2024 pada 22 Mei 2024 bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) serta Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan undang-undang di setiap agensi dipatuhi oleh para majikan.

Menerusi pemeriksaan yang dijalankan di tiga buah lokasi perumahan pekerja iaitu di kawasan

Kampung Tanjung Nangka, Kampung Lambak dan Kampung Subok, mendapat tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang diperlukan dilakukan oleh majikan iaitu kesalahan di bawah Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan; Bab 72, majikan gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan yang dibenarkan; dan Bab 112, melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, dengan pekerja yang dijamin ditempatkan di perumahan pekerja yang bukan di tempat yang diisyiharkan ke Jabatan Buruh.

Sementara JPE memberi teguran bagi pendawaian yang tidak teratur dan usang, manakala Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, JIPK tiada mendapat sebarang kesalahan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



**BAHAGIAN** Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Bersepadu Siaga 2024 (atas dan bawah).



**BAHAGIAN** Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait mengendalikan Operasi Siaga 110 / 2024 di kawasan Jalan Sungai Pandan 7.

## Pekerja lari daripada majikan

**Siaran Akbar dan Foto :** Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sungai Liang ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan Minah, 34 tahun, warganegara Indonesia dengan nombor passport E5641083 yang diperlukan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Berakas menerusi talian +673 2330410 atau Talian Kecemasan Polis 993

atau mana-mana balai-balai polis yang berdekatan.



MINAH, 34 tahun, warganegara Indonesia yang diperlukan lari daripada majikan.



INTERNATIONAL  
MUSEUM DAY  
MUSEUMS FOR EDUCATION AND RESEARCH

**AKTIVITI SEMPENA  
SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024**

**PAMERAN MANIK : 1000 TAHUN**

**18 MEI - 18 OGOS 2024**

**RUANG LEGAR, MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM**

**SIRI ARKEOLOGI**

**25 MEI, 29 JUN & 6 JULAI 2024**

**MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM**

**KENALI ARKEOLOGI**

**23 & 29 MEI, 20 & 27 JUN, 6 & 25 JULAI & 1 OGOS 2024**

**MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM**

[www.museums.gov.bn](http://www.museums.gov.bn)



# 'Online games' berunsurkan pendidikan boleh bantu tingkat minat belajar

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Ihsan Freepik,  
Nurhamiza Haji Roslan

**P**ERMAINAN dalam talian (*online games*) merupakan sebarang permainan video yang menawarkan interaksi dalam talian dengan pemain lain. Ada pelbagai permainan dalam talian yang boleh diakses melalui laman sesawang ataupun dengan memuat turun aplikasi permainan yang ingin dimain. Apa yang diperlukan oleh pemain ialah peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer riba atau komputer meja (*desktop*) dan sambungan internet. Dengan *online games*, pemain boleh memilih untuk bermain secara perseorangan atau secara kumpulan dan sambil bermain mereka boleh berinteraksi dengan pemain lain. Sesiapa sahaja boleh bermain *online games* akan tetapi bagi kanak-kanak adalah penting untuk ibu bapa memantau jenis *online games* yang dimain dan dengan siapa anak-anak mereka berinteraksi apabila *online games*.

Adalah penting untuk kita fahami walaupun *online games* boleh memberi keseronokan, kita perlu peka akan risiko-risiko kepada pemain terutama sekali kanak-kanak supaya tidak menjadi ketagih atau menjadi mangsa buli atau terdedah kepada apa sahaja ancaman dalam talian. Apabila kita mengambil langkah berjaga-jaga, *online games* boleh sahaja

digunakan untuk kebaikan dan boleh memberi manfaat kepada kita dan anak-anak. Terdapat pelbagai jenis online game dan tidak semestinya ianya hanya untuk hiburan, terdapat juga *online games* yang bertujuan untuk memberangsangkan kreativiti, kebolehan untuk berfikir, menyelesaikan masalah, menggalakkan kerja berpasukan dan sosialisasi sihat untuk kanak-kanak.

## Online gaming boleh menggalakkan pembelajaran dalam kalangan murid-murid

Menggunakan *online games* untuk menggalakkan pembelajaran dalam kalangan pelajar dan murid-murid telah menjadi konsep yang semakin popular dalam pendidikan. Pendekatan inovatif ini menggabungkan penglibatan dan motivasi permainan dengan kandungan pendidikan untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

Dari segi sejarah, penggunaan permainan secara am dalam pendidikan boleh dikesan seawal tahun 1980-an dan 1990-an. Menerapkan permainan dalam bertujuan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif untuk pelajar. Kini, setelah mengikuti perubahan zaman dan kemajuan dalam teknologi serta

ketersediaan internet yang meluas, *online games* yang ada dan lebih mudah diakses oleh pelajar membawa kepada peningkatan penggunaan permainan sebagai alat pembelajaran.

Permainan *online games* boleh memberikan pengalaman pembelajaran yang berharga untuk pelajar seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kerjasama dan pemikiran kritis. Ianya juga memberi manfaat kepada para pendidik dan memberi inspirasi kepada para pendidik untuk meneroka potensi permainan dalam talian sebagai alat untuk menambah baik cara mengajar dan pengalaman pembelajaran dalam bilik darjah.

Kesan penggunaan *online games* untuk menggalakkan pembelajaran dalam kalangan pelajar bilik darjah adalah ketara. Ia boleh meningkatkan penglibatan, motivasi dan pencapaian pelajar dengan menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan. *Online games* juga boleh memberikan maklum balas segera kepada pelajar, membolehkan mereka menjelak kemajuan mereka dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan untuk diperbaiki.

Walaupun *online games* mempunyai manfaat, terdapat juga aspek negatif yang perlu dipertimbangkan apabila menggunakan permainan dalam

talian ini untuk pembelajaran. Menurut para pengkritik, pendekatan ini boleh menimbulkan masalah yang akan menjelaskan potensi pelajar seperti pelajar menjadi terlalu bergantung kepada teknologi. Ini boleh membawa kepada penurunan dalam pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Ada yang berpendapat bahawa permainan dalam talian boleh mengalihkan perhatian pelajar daripada bentuk pembelajaran tradisional, seperti membaca dan menulis dan ia boleh menyumbang kepada gaya hidup yang tidak aktif. Di samping itu, terdapat kebimbangan mengenai kebolehcapaian dan kemampuan sumber permainan dalam talian untuk semua pelajar, terutamanya mereka daripada latar belakang yang kurang bernasib baik.

## Kesimpulan

Pada masa akan datang, penggunaan *online games* dalam pembelajaran adalah pendekatan bermanfaat yang boleh digunakan. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi akan terus berkembang, oleh itu para pendidik akan mengambil peluang ini untuk mencipta *online games* pendidikan yang lebih canggih dan menyeronokkan yang memenuhi pelbagai subjek dan objektif pembelajaran yang lebih luas.

Teknologi Realiti Maya (Virtual Reality) mempunyai potensi besar untuk mengubah cara pelajar menimba ilmu iaitu dengan mengakses kandungan pendidikan melalui permainan dalam talian. Selain itu, platform permainan dalam talian boleh disesuaikan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang diperbadikan untuk pelajar, membolehkan mereka maju mengikut rentak mereka sendiri dan menumpukan pada bidang yang diminati.

Kesimpulannya, menggunakan *online games* untuk menggalakkan pembelajaran dalam kalangan pelajar bilik darjah adalah bidang yang dinamik dan berkembang yang berpotensi untuk merevolusikan pendidikan. Dengan memanfaatkan kuasa *online games* sebagai alat pengajaran dan pembelajaran, pendidik boleh mencipta pengalaman pembelajaran yang menarik dan interaktif yang memenuhi keperluan pelajar. Walaupun terdapat cabaran dan kebimbangan yang berkaitan dengan pendekatan ini, kesan positif permainan dalam talian terhadap penglibatan dan pencapaian pelajar tidak boleh diabaikan. Memandangkan teknologi terus berkembang, kemungkinan untuk menggunakan *online games* dalam bilik darjah menawarkan peluang menarik untuk masa depan pendidikan.





## Tembakau membahayakan kesihatan

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan

**T**EMBAKAU telah terbukti membahayakan kesihatan malah kesan negatif penggunaan tembakau secara umum memang telah diketahui sekian lama. Ia bukan saja membahayakan penggunanya, malahan juga menimbulkan risiko kepada mereka yang terdedah kepada asap rokok pasif (*secondhand smoke*).

Setiap tahun, lebih daripada lapan juta kematian di seluruh dunia adalah disebabkan oleh penggunaan tembakau. Dianggarkan 1.3 bilion orang di seluruh dunia adalah pengguna tembakau. Merokok merupakan salah satu kegiatan tidak sihat untuk tubuh. Ini kerana rokok mengandungi pelbagai kimia berbahaya seperti nikotin, tar, hingga karbon monoksida yang dapat menyebabkan tubuh terserang berbagai penyakit.

Asap tembakau tidak hanya merugikan perokok aktif tetapi juga sangat berbahaya bagi perokok pasif, terutama kanak-kanak.

### Kanak-kanak

Sememangnya kesan negatif rokok tidak hanya dapat dirasakan oleh perokok, namun juga dapat dirasakan oleh orang-orang terdekat seperti anak-anak. Antara kesan buruk terhadap kesihatan anak apabila sering terdedah dengan asap rokok, di antaranya adalah pneumonia dan bronchitis; sindrom kematiang mendadak pada anak damit; masalah pernafasan ketika dewasa; gangguan pertumbuhan paru-paru; gangguan terhadap pertumbuhan anak dan memicu serangan asma atau gejala asma semakin memburuk.

Apa yang turut dikhawatir ialah penggunaan rokok elektronik seperti vape yang kini sudah

mempengaruhi para perokok tembakau malah ia juga telah dapat menarik pengguna baharu seperti anak-anak muda.

Oleh itu, kita mesti melindungi generasi muda daripada bahaya rokok dengan mendukung apa jua usaha pihak kerajaan dan mencipta kawasan bebas rokok.

Kitu perlu ketahui bahawa apabila seseorang mula merasa rokok atau vape, ia akan mula merasa ketagih yang lama-kelamaan menyebabkan seseorang bergantung kepada rokok atau vape.

Kita perlu berwaspada tentang rokok dan vape, kerana masalah kesihatan yang berkaitan dengannya telah muncul.

Vaping dalam kalangan anak-anak yang lebih muda juga meningkat dan menjadi trend seluruh dunia. Hampir satu daripada 10 anak berusia 11 hingga 15 tahun pernah menghisap vape, menurut kaji selidik pada tahun 2021.

Ada yang menganggap vaping tidak ada risiko dan tidak berbahaya malah dijadikan sebagai alternatif kepada rokok tembakau. Kefahaman inilah yang perlu ditepis kerana ia juga dapat memberikan kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan individu. Ini kerana vape juga mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan kesihatan seperti nikotin, asetaldehida, formaldehida, acrolein dan sebagainya.

Bahan-bahan ini boleh masuk ke dalam paru-paru dan menyebabkan penggunanya boleh mendapat kesan negatif vape, baik dalam jangka pendek maupun dalam jangka panjang.

### Cemar alam sekitar

Selain daripada membahayakan kesihatan, tembakau juga memberi kesan negatif kepada

alam sekitar.

Rokok juga mencemarkan udara. Untuk menghasilkan sebatang rokok, 14 gram karbon dioksida akan dikeluarkan. Asap rokok juga menyumbang kepada tahap pencemaran udara yang lebih tinggi dan mengandungi tiga gas rumah hijau (*greenhouse gas*) iaitu, karbon dioksida, metana dan nitrus oksida, yang mana seterusnya menyumbang kepada peningkatan suhu dunia dan perubahan iklim (*climate change*).

Kitaran hayat produk tembakau berakhir pada sisa produk tembakau. Puntung rokok adalah sampah terbanyak yang dibuang di merata-rata tempat. Dianggarkan sebanyak 4.5 trilion puntung rokok tidak dibuang dengan cara yang betul setiap tahun.

Kajian daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan kira-kira 65 peratus perokok membuang puntung rokok di merata-rata tempat. Puntung-puntung rokok ini seterusnya mengeluarkan beribu-ribu bahan kimia ke udara, air dan tanah. Binatang laut seperti ikan, penyu dan sebagainya juga menjadi mangsa kerana termakan puntung rokok tersebut.

Selain daripada puntung rokok, pembuang sisa rokok elektronik juga boleh mencemarkan alam sekitar. Bateri dan alat rokok elektronik mengandungi bahan berbahaya seperti plumbum dan merkuri dan apabila dibuang sewenang-wenangnya, bahan-bahan kimia tersebut boleh meresap ke dalam tanah dan saluran air atau ditelan oleh hidupan liar.

### Perintah Tembakau 2005

Perintah Tembakau 2005 merupakan satu akta bagi mengawal tembakau di negara ini. Ia mengawal pengimportan, penjualan,

pengedaran, pembungkusan, pengiklanan dan penggunaan tembakau di Negara Brunei Darussalam. Ia diwartakan pada 13 Jun 2005 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2008.

Perintah Tembakau 2005 dan peraturannya memperuntukkan bagi larangan merokok di tempat-tempat awam yang bertujuan untuk mengawal tabiat merokok serta bagi melindungi orang awam daripada terdedah kepada asap rokok.

Perlu diingat bahawa di antara kawasan-kawasan awam yang ditegah merokok termasuklah bangunan-bangunan kerajaan, kaki lima kedai, pusat membeli-belah, pasar, gerai, tamu, stesen bas, perhentian bas, restoran, kedai makan dan di dalam lingkungan enam meter dari garisan bangunan di mana merokok adalah ditegah.

Seumua stakeholders termasuk orang ramai diingatkan untuk sama-sama bertanggungjawab dan komited untuk memberhentikan tabiat merokok atau vape bermula sekarang demi menyelamatkan nyawa dan menjaga kesihatan diri, keluarga dan masyarakat.

Sedarlah bahawa hidup kita lebih sihat tanpa tembakau. Sempena dengan Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada tahun ini, marilah kita sama-sama bertekad dan berusaha dengan lebih gigih untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara bebas tembakau.

Berilah sokongan kepada orang sekeliling kita yang ingin berhenti merokok atau menggunakan rokok elektronik. Sama-sama kita berganding bahu untuk menjaga dan melindungi kesihatan dan demi masa depan negara yang lebih sihat dan mampan bagi semua.



# KETUA AGENSI PELARIAN PBB GESA MAJLIS KESELAMATAN BANTU JUTAAN MANGSA PERANG JADI PELARIAN

**NEW YORK**, 31 Mei. - Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Pelarian menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk mencegah jutaan lagi orang mangsa perang, keganasan dan

penganiayaan daripada menjadi pelarian.

Filippo Grandi menyatakan angka semasa kini mencecah 114 juta orang.

"Bulan depan, kami akan

mengemas kini angka ini. Ia akan lebih tinggi," katanya seperti yang dipetik oleh Agensi Berita dan Penerangan Palestin (WAFA).

Grandi mengingatkan kembali taklimat terakhirnya kepada para duta tujuh bulan lepas dan beliau berkongsi pandangannya mengenai beberapa krisis di seluruh dunia.

Beliau memberi amaran terhadap

satu lagi gerakan memaksa rakyat Palestin meninggalkan tempat tinggal mereka dan mengatakan ini hanya akan mencipta satu lagi masalah yang sukar diselesaikan dan menjadikan penyelesaian konflik berdekad ini mustahil dicapai.

Sambil menyatakan bahawa puluhan ribu telah terbunuh di Gaza, Ukraine, Sudan, Republik Demokratik Congo (DRC),

Myanmar dan di tempat lain, beliau menekankan bahawa "belum terlambat untuk meningkatkan bantuan kepada jutaan yang telah dipaksa berpindah supaya mereka boleh pulang secara sukarela, dengan selamat dan bermaruah".

Beliau menambah bahawa "belum terlambat untuk mencuba menyelamatkan berjuta-juta lagi orang daripada bencana perang".  
- ©BERNAMA

## Kru Shenzhou-18 jayakan misi EVA kali pertama

**BEIJING**, 29 Mei. - Kru kapal angkasa lepas Shenzhou-18 berjaya menyelesaikan aktiviti luar kenderaan (EVA) kali pertama pada Selasa, menurut Agensi Angkasa Bermanusia China (CMSA).

Tiga angkasawan iaitu Ye Guangfu, Li Cong dan Li Guangsu bekerjasama untuk menjalankan misi di stesen angkasa lepas, termasuk pemasangan peranti perlindungan serpihan angkasa dan pemeriksaan terhadap kelengkapan di luar kabin.

Misi mereka selama lapan setengah jam itu dijayaikan dengan sokongan lengan robotik dan ahli penyelidik dari bumi.

EVA itu selesai pada 6.58 petang Selasa waktu Beijing.

Menurut CMSA, Ye Guangfu dan Li Guangsu telah selamat kembali ke modul eksperimen Wentian. Ini juga EVA kali kedua bagi Ye dan kali pertama bagi Li. - ©BERNAMA

## Xinjiang rai penerbangan pertama tanpa visa dari Georgia

**URUMQI**, 29 Mei. - Perjanjian saling mengecualikan visa antara China dengan Georgia berkuat kuasa mulai 28 Mei.

Pada pukul 7.35 pagi hari berkenaan, penerbangan CZ6040 dari Tbilisi, ibu negara Georgia selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Urumqi. Ini juga penerbangan sulung dari Georgia yang menikmati dasar pengecualian visa.

Penguatkuasaan perjanjian tersebut akan memudahkan perjalanan pelancong dari kedua-dua negara, sekali gus meningkatkan hubungan China dengan Georgia dalam bidang ekonomi, perdagangan, pelancongan dan kebudayaan.

Untuk rekod, Georgia ialah negara kedua yang menikmati dasar saling mengecualikan visa dengan China melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Urumqi, selepas dasar seumpama itu dilaksanakan antara Kazakhstan dan China pada November lepas. - ©BERNAMA

## Jangan terpedaya agensi dakwa mampu keluar visa haji

**KUCHING**, 30 Mei. - Rakyat Malaysia yang berhasrat menunaikan ibadah haji diharap tidak terperdaya dengan agensi-agensi tertentu yang mendakwa mampu mengeluarkan visa atau permit haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Mohd Na'im Mokhtar berkata ini kerana di Malaysia hanya terdapat dua pihak yang mampu mengeluarkan visa haji iaitu Lembaga Tabung Haji (TH) dan Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur.

"Tidak ada badan-badan atau agensi malah badan bukan kerajaan (NGO) lain yang boleh keluarkan visa haji."

"Ini penting untuk dimaklumkan kerana kita tidak mahu ada mana-mana pihak yang betul-betul ingin menunaikan haji ditipu oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis meraikan keberangkatan jemaah haji negeri Sarawak di sini, hari ini.

Majlis yang meraikan 142 orang bakal haji itu turut dihadiri oleh Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Dr Wan Junaidi Jaafar. Sementara itu Mohd Na'im berharap rakyat Malaysia tidak menggunakan visa pelancongan atau umrah untuk menunaikan ibadah haji.

"Kerajaan Arab Saudi akan mengambil tindakan kepada mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang ini (tiada visa haji) termasuk dikenakan denda SAR10,000. Mereka juga akan ditahan sementara dan dihantar pulang ke negara asal," katanya. - ©BERNAMA

## Jepun bina satelit kayu pertama di dunia, dilancarkan September ini

**KYOTO** (Jepun), 29 Mei. - Penyelidik Jepun pada Selasa berkata mereka telah berjaya membina satelit kayu pertama di dunia, dengan objek berbentuk kiub kecil itu dijangka dihantar ke angkasa lepas menggunakan roket SpaceX yang dilancarkan dari Amerika Syarikat, kemungkinan pada September, lapor Agensi Berita Kyodo.

"LignoSat," gabungan perkataan ligno, awalan yang bermaksud kayu dan satelit, adalah hasil usaha pembangunan selama kira-kira empat tahun oleh sebuah pasukan yang melibatkan Universiti Kyoto dan Sumitomo Forestry Co., bertujuan memanfaatkan kelebihan kayu yang mesra alam sekitar dan kos yang rendah dalam pembangunan angkasa lepas.

Satelit kayu dilihat sebagai lebih baik untuk alam sekitar apabila terbakar semasa memasuki semula atmosfera Bumi pada akhir operasinya, berbanding satelit konvensional yang dibuat daripada

logam, kerana ia boleh mencipta zarah alumina, yang boleh memberi kesan negatif terhadap cuaca dan komunikasi, menurut pasukan itu.

Perkembangan terkini ini adalah "langkah yang amat berharga untuk kedua-dua industri angkasa lepas dan kayu," kata Universiti Kyoto dan syarikat produk kayu yang berpusat di Tokyo dalam siaran akhbar bersama mereka, menunjukkan bahawa ini akan membantu "membuka kemungkinan penggunaan kayu, yang merupakan sumber lestari."

LignoSat adalah kiub berukuran 10 sentimeter yang dibuat daripada panel kayu magnolia setebal 4 hingga 5.5 milimeter, dengan rangka sebahagiannya dibina daripada aluminium. Ia mempunyai panel solar yang dilekatkan pada beberapa sisi dan berat kira-kira satu kilogram.

Ia dibina berdasarkan teknik tradisional Jepun yang tidak menggunakan sebarang skru atau bahan pelekat.

Pasukan tersebut menyatakan bahawa mereka telah mengesahkan ketahanan bahan kayu itu walaupun dalam persekitaran yang keras di angkasa lepas.

"Kami ingin mencipta satelit, termasuk bahagian substrat elektronik (yang terkandung di dalamnya), sepenuhnya diperbuat daripada kayu pada masa hadapan," kata Takao Doi, seorang angkasawan yang berkhidmat sebagai profesor khusus program di Universiti Kyoto.

Satelit itu akan diserahkan kepada Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun pada 4 Jun. Ia akan dilancarkan dari Pusat Angkasa Kennedy di Florida, menuju ke Stesen Angkasa Antarabangsa.

Ia akan dilepaskan ke angkasa lepas kira-kira sebulan selepas tiba di makmal orbit, menurut siaran akhbar. Pasukan itu merancang untuk meneroka potensi kayu dengan menganalisis data yang dihantar dari satelit baharu itu, kata mereka. - ©BERNAMA

## 32 maut Siklon Remal badi India

**NEW DELHI**, 29 Mei. - Ribut dan tanah runtuhan akibat hujan yang dicetuskan oleh Siklon Remal telah mengorbankan sekurang-kurangnya 32 orang dan mencederakan ramai lagi di Bengal Barat dan empat negeri timur laut India, kata pegawai pada Selasa, menurut Xinhua.

Jumlah kematian di negeri timur India di Bengal Barat selepas Siklon Remal meningkat kepada tujuh orang. Seorang bapa dan anak lelaki terbunuh akibat terkena renjatan elektrik di Memari, Burdwan Timur. Dua lagi kematian dilaporkan akibat renjatan elektrik di Panihati di Utara 24-Parganas dan Maheshtala di Selatan 24-Parganas.

Seorang lelaki berusia 51 tahun maut apabila konkrit runtuh dan menimpanya akibat hujan lebat di kawasan Bibir Bagan, Kolkata, ibu kota Bengal Barat. Seorang wanita berusia 80 tahun maut di dalam rumahnya di Pulau Mousuni di Selatan-24 Parganas apabila

sebatang pokok tumbang di rumah berkenaan. Kematian ketujuh dilaporkan dari Haldia.

Pada Ahad malam, angin puting beliung itu meninggalkan kesan kerosakan dan kerosakan infrastruktur serta harta benda di seluruh negeri itu setelah mendarat antara pantai Bengal Barat dan negara jiran Bangladesh.

Setelah melalui pantai Bengal Barat dan Bangladesh, taufan itu telah menerbangkan atap, mencabut pokok serta tiang elektrik, menyekat jalan di Kolkata dan daerah pantai, kata pegawai.

Kejadian pokok dan elektrik tumbang menyebabkan gangguan bekalan elektrik di pelbagai bahagian negeri itu. Hujan lebat telah membanjiri rumah dan kawasan ladang. Laporan menyebut di beberapa kawasan, air masin dari Teluk Bengal berdekatkan telah memecah tembok penahan dan mengalir ke ladang, merosakkan tanaman.

Kerajaan tempatan telah memindahkan lebih 100,000 orang dari kawasan terdedah sebelum taufan itu mendarat. Siklon Remal turut membadaui negeri-negeri timur laut India seperti Mizoram, Assam, Nagaland dan Meghalaya.

Tujuh belas orang terbunuh dan tujuh lagi dikhuatir terperangkap di bawah runtuh setelah sebuah kuari batu runtuh pada Selasa di Mizoram, kata polis. Di Assam, tiga orang terbunuh manakala 17 lain cedera dalam kejadian hujan lebat.

Seorang terbunuh selepas sebuah dinding runtuh di daerah East Jaintia Hills di Meghalaya. Empat yang lain cedera dalam tanah runtuh di negeri itu. Laporan menyatakan empat kematian dan kerosakan membabitkan lebih 40 rumah telah dilaporkan di Nagaland akibat Siklon Remal. Jabatan Meteorologi India telah mengeluarkan amaran hujan lebat di negeri timur laut dalam tempoh dua hari akan datang. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## 56 KONTINJEN SERTAI ASG DI DA NANG, VIET NAM



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan (kiri dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Khamis, 30 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MSSBD), Jabatan Pendidikan Kokurikulum hari ini

mengadakan Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

Penyerahan bendera kepada Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan selaku Ketua Kontinjen (Chef

de Mission) MSSBD, Awang Julaihi bin Haji Mohamad / Mohamat disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku tetamu kehormat.

MSSBD akan menghantar 56 kontinjen bagi menyertai ASEAN School Games

(ASG) Kali Ke-13, Tahun 2024 di Da Nang, Viet Nam, yang terdiri daripada 33 atlet pelajar dan 23 pegawai dan kakitangan.

Sebanyak lima acara sukan akan dipertandingkan iaitu olahraga, renang, badminton, pencak silat dan bola keranjang.

ASG merupakan acara pelbagai sukan tahunan di rantau Asia Tenggara yang melibatkan atlet dalam kalangan pelajar berumur di bawah 18 tahun dari negara-negara Ahli ASEAN.

Kejohanan tersebut adalah satu platform yang tertinggi di rantau ini bagi para pelajar bersaing dalam bidang sukan, di samping menyediakan ruang dan peluang yang baik bagi para pelajar untuk mengukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama antara satu sama lain sejajar dengan matlamat ASEAN Schools Sports Council (ASSC) bagi mempromosikan perpaduan dalam kalangan para belia ASEAN melalui sukan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Pendidikan, pengetua-pengetua sekolah dan para ibu bapa atlet.

## MSSBD bakal berentap dalam ASG Ke-13



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada para kontinjen yang menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASEAN School Games - ASG) Kali Ke-13 di Da Nang, Viet Nam.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 31 Mei. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diwakili oleh para atlet, iaitu pelajar dan beberapa pegawai serta kakitangan dari Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) berlepas ke Da Nang, Viet Nam bagi menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASEAN School Games - ASG) Kali Ke-13 di negara tersebut bermula 31 Mei hingga 9 Jun 2024 ini.

Mengetuai Kontinjen MSSBD, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Haji Mohamad / Mohamat.

Kontinjen negara yang disertai seramai 20 atlet serta 21 pegawai dan kakitangan MSSBD berlepas meninggalkan negara, pagi tadi.

Para atlet tersebut akan berentap dalam lima acara sukan iaitu olahraga, badminton, bola keranjang, renang dan pencak silat.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat baylor serta memberikan kata-kata nasihat kepada para kontinjen ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.

Sebelum kontinjen berlepas, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Pelajaran dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Muhammad Zainuddin Shah bin Talip.

## Tahukah Awda

**P**USAT Pengkajian Borneo (penBORNEO) atau Pusat Penyelidikan Borneo telah ditubuhkan pada 31 Januari 2013 dengan objektifnya untuk menjadi sumber rujukan dan penyelidikan mengenai sejarah Borneo, untuk menyebarkan penerbitan Brunei ke seluruh Borneo, untuk menjadi destinasi pelancongan akademik bagi tujuan penyelidikan, mewujudkan kerjasama penyelidikan dan mengumpul bahan-bahan mengenai Borneo dengan penyelidikan lain dan memelihara warisan sejarah Brunei daripada pupus.

SUMBER : <http://www.pusat-sejarah.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

ISLAM AGAMA YANG MENCINTAI KEDAMAIAAN DAN KEAMANAN